

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV

Bil.4

Hari Isnin

30 Mac 1998

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
( **(Ruangan )** )

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18(1):

**Penghantaran Pulang Pemandang Asing Tanpa Izin**  
*- Y.B. Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)(Ruangan )*

USUL:

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong.**  
*- Y.B. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun) (Ruangan)*

### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.  
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.  
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang  
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.  
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir  
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,  
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Puan Ruhana binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 30 Mac 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PEMBANGUNAN MENGHINDARI KEMUSNAHAN  
PERSEKITARAN - TINDAKAN KEMENTERIAN**

1. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah perancangan-perancangan yang komprehensif dan tindakan tegas diambil oleh kementerian untuk menentukan bahawa segala pembangunan yang dijalankan perlu menghindari kemusnahan persekitaran yang boleh menjejaskan hubungan harmoni antara insan dan alam yang didiami.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perancangan-perancangan yang diambil adalah melalui khidmat nasihat dan garis panduan penempatan industri kepada pihak berkuasa yang meluluskan projek. Di samping itu pemaju juga dikehendaki menjalankan kajian kesan kepada alam sekitar (EIA), dengan izin sebelum penentuan dibuat

ke atas pelaksanaan sesuatu projek pembangunan. Pada masa yang sama tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya akan diambil terhadap pihak yang melanggar Akta tersebut. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas kepada kementerian di atas segala usaha dan tindakan diambil untuk mengawal pencemaran alam sekitar khususnya air dan udara. Dalam konteks ini izinkan saya bertanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri berasaskan kepada laporan akhbar hari ini di muka 16, *Utusan Malaysia* ada menyatakan bahawa masalah pencemaran air hari ini yang berlaku di Kuala Lumpur ialah ekoran daripada pencemaran air di Hulu Langat disebabkan oleh *ammonia content*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, sejauh manakah kebenaran perkara pencemaran ammonia ini yang menjadi begitu gawat masalah air di Kuala Lumpur masa kini ekoran daripada penutupan beberapa loji disebabkan ada satu konsultan kompeni daripada Perancis itu yang telah bertanggungjawab dari segi merawat air. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat masalah ammonia ini boleh menyebabkan permasalahan hingga boleh menjadi satu kesusahan kepada pengguna-pengguna air.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, laporan dalam akhbar itu perlu disahihkan dahulu, mesti diconfirmkan dahulu laporan akhbar ini, akhbar boleh membuat bermacam-macam laporan, ini bukanlah satu punca yang sah, tetapi bagi makluman Ahli Yang Berhormat apa-apa laporan yang telah dihantar oleh pihak Jabatan Kimia kepada pihak yang bertanggungjawab dengan bekalan air bahawa ammonia-ammonia yang terkandung dalam sungai itu adalah tidak merbahaya setakat ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kenapa sungguhpun kerajaan ada satu dasar alam sekitar, tetapi sekarang kita menghadapi krisis alam sekitar di mana hak-hak pokok rakyat semacam udara bersih, air, tidak dapat dinikmati sehingga menjadi satu krisis yang besar. Di Miri, saya dapat satu E-mail semalam bahawa through API boleh kata dekat 1,200 dan 600,000 penduduk-penduduk di Lembah Klang menghadapi krisis dua minggu tiada air. Satu E-mail di sini dengan izin, *"We the resident of Happy Garden, Jalan Riang, haven't had a water of fourteen days. The zone water schedule is a complete and utter failure. Please bring 'us' up in the Parliament. We don't have money, we don't have job, our cars are repossessed, now we don't even have any water.* Kenapa satu keadaan di mana seolah-olahnya negara Malaysia satu first read, first class nation, tiba-tiba sudah menjadi third class nation tiada air, udara kotor. Bukankah Kementerian berkenaan perlu menghadapi ini sebagai satu

krisis environment ambil tindakan yang segera termasuk membenteng satu kertas putih di dewan yang mulia ini bagaimana basic need ini boleh diatasi dengan segera.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Sebenarnya pencemaran yang berlaku di Sungai Langat disebabkan oleh kilang-kilang haram yang begitu banyak berselerak dan kerajaan sedang mengambil tindakan untuk mengalihkan atau memindahkan semua kilang haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harga yang kita kena bayar untuk pembangunan, "*the price we have got to pay for the development*", dengan izin, tetapi perkara ini sedang diambil perhatian begitu serius oleh pihak kerajaan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri akan mempengerusikan satu jawatankuasa yang ada kaitan dengan air yang kita hadapi sekarang. Kita turut dukacita kepada penduduk-penduduk dan masyarakat yang mengalami ini. Kita tahu, saya sendiri pun merasainya apabila rumah saya pun hampir satu hari tidak ada air . Ini kita perlu sabar. Inilah keadaannya dan kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang positif untuk membetulkannya.

#### **PUSAT PENGAJIAN TINGGI LUAR NEGERI - BILANGAN PEMOHON PINJAMAN**

2. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) bilangan pemohon yang memohon pinjaman untuk melanjutkan pendidikan di pusat pengajian tinggi di luar negeri ataupun di dalam negeri untuk tahun 1998; dan
- (b) bilangan pemohon yang layak mendapatkan pinjaman yang tersebut di atas.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima soalan berhubung dengan tabung pinjaman pendidikan tinggi nasional. Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soalan ini ialah Yang Berhormat dari Ipoh Barat, Yang Berhormat dari Sungai Benut, Yang Berhormat dari Seremban, Yang Berhormat dari Ledang dan Yang Berhormat dari Libaran. Oleh kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama, maka saya mohon semua soalan tersebut dijawab secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diwujudkan untuk memberi pinjaman kewangan kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan sahaja. Sebagai permulaan pinjaman diberikan kepada pelajar-pelajar di peringkat Ijazah Pertama di institusi pengajian tinggi awam dan tiga buah universiti swasta iaitu Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti

Petronas. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan untuk diagihkan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di IPT pada sesi pengajian 1997/1998.

Sehingga kini PTPTN telah menerima sebanyak 14,427 borang permohonan dan 13,544 daripadanya layak diproses. Sebanyak 13,253 permohonan diterima daripada pelajar di IPTA dan 291 di IPTS. Daripada jumlah tersebut seramai 5,819 adalah pemohon dari aliran sains dan teknologi, manakala 7,725 dari aliran sastera. Adalah dijangkakan kira-kira 5,000 pelajar akan mendapat pinjaman daripada PTPTN. Walau bagaimanapun keputusan tamat dijadualkan dibuat pada pertengahan bulan April ini. Bagi sesi pengajian 1998/1999 borang permohonan akan diedarkan pada bulan Jun dan dijangkakan seramai 9,000 pelajar akan mendapat pinjaman.

Kriteria utama yang digunakan untuk meluluskan pinjaman ialah faktor sosio-ekonomi pelajar. Antara sebab-sebab permohonan ditolak adalah seperti berikut:-

- (a) pemohon berada di tahap pengajian peringkat Diploma dan bukan di peringkat Ijazah Pertama;
- (b) pemohon belajar di institusi pengajian yang tidak disenaraikan; dan
- (c) pendapatan keluarga pemohon jauh lebih tinggi daripada MEANS TEST kriteria yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah pinjaman tahunan yang disediakan adalah sebanyak RM6,500 untuk pelajar di IPTA dan RM12,000 untuk pelajar di IPTS. Pelajar jurusan sains dan teknologi pula akan menerima pinjaman tambahan tanpa bayaran perkhidmatan sebanyak RM500 setahun. Kos perkhidmatan yang dikenakan untuk perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM400 setahun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata pinjaman untuk penuntut-penuntut yang diberi kelulusan ialah hanya untuk ijazah sahaja. Jadi adakah pelajar untuk matrikulasi diberi kelonggaran oleh kerana banyak penuntut yang memerlukan pinjaman untuk masuk di sini?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan setakat ini ialah untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di peringkat Ijazah Pertama sahaja. Walau bagaimanapun, kita sedar bahawa ramai para pelajar yang akan mengikut program matrikulasi juga memohon pinjaman. Ini kita belum buat keputusan, ianya tertakluk kepada kemampuan kewangan tabung ini dan akan ditentukan kemudian.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tolong beritahu Dewan ini adakah Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini akan wujud bersama dengan apa-apa scholarship yang akan diberi, adakah juga selain dari itu untuk masyarakat India, oleh kerana sosio-

ekonomi mereka adalah yang sangat teruk dalam krisis ekonomi ini, adakah kelonggaran akan diberi dan berapa peratus sehingga hari ini adalah dari pelajar masyarakat India.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar yang akan layak menerima pinjaman akan ditentukan mengikut taraf sosio-ekonomi. Jadi, semua kaum adalah layak untuk dipertimbangkan.

### **GEJALA SOSIAL DI SABAH - LANGKAH PENCEGAHAN**

3. **Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apa langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani gejala sosial di Sabah berkenaan dengan kes rogol, sumbang muhrim penganiayaan dan ketegangan rumahtangga yang semakin meningkat melibatkan kebanyakan mangsa yang terdiri daripada wanita, perempuan bawah umur dan kanak-kanak.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil langkah-langkah berbentuk pencegahan dan penguatkuasaan dalam menangani masalah-masalah sosial di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Di antara program pencegahan yang telah dilaksanakan ialah mewujudkan serta meningkatkan keberkesanan pasukan perlindungan kanak-kanak. Di Sabah telah ditubuhkan 12 pusat perlindungan di peringkat daerah. Penubuhan pusat aktiviti kanak-kanak di

dalam proses penubuhan di tiga daerah, iaitu di Kudat, Keningau dan Kota Kinabalu dan penubuhan badan pendamai di peringkat daerah dan negeri.

Selain dari itu, telah diwujudkan juga perkhidmatan Teledera 24 jam, talian bebas, nombor telefon 8003040, Gerakan Keluarga Bahagia, Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan dan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia setiap tahun.

Di bawah program penguatkuasaan pula, kementerian bersama-sama dengan kementerian dan jabatan kerajaan lain terutamanya Pasukan Polis Diraja Malaysia telah, sedang dan akan terus melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan terutamanya Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 berkuatkuasa 1 Jun 1996.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada kementerian ada membuat kajian tentang kes-kes kejadian yang begitu berleluasa, di mana kanak-kanak di bawah umur menjadi mangsa rogol dan yang malang sekali ialah oleh bapa mangsa itu sendiri, apakah sebab-sebab ini berlaku begitu senang sekali?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan yang ada pada saya mengenai penganiayaan kanak-kanak, butir-butir yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai bapa sendiri, iaitu

sumbang muhrim, saya tidak ada angka. Walau bagaimanapun, memang mengikut apa yang patut dibuat oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan di tiap-tiap negeri ataupun di daerah memang mengetahui keadaan keluarga masing-masing. Jadi, satu dari masalah itu ialah perkara ini terjadi dalam satu keluarga yang kurang mengikut ajaran agama masing-masing, dan yang kedua oleh kerana perkara ini terjadi ialah satu keluarga yang kurang bermoral mengikut keadaan yang diketahui. Jadi, oleh kerana itu, kementerian sekarang memang sedang menjalankan bukan hanya kajian tetapi mengadakan satu pelaksanaan, iaitu mencari jalan lebih-lebih lagi supaya perkara berkenaan dengan agama akan dijalankan lebih dari apa yang diadakan mengikut kebiasaannya.

#### **LOJI MINYAK MELETUP DI BINTULU - PUNCA**

4. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab loji-loji minyak telah meletup di Bintulu pada 25.12.1997 dan jumlah kerugian yang telah dialami. Apakah kesan buruk yang telah dikenal pasti terhadap alam sekeliling dan kesihatan akibat kejadian ini. Apakah langkah yang sudah diambil supaya kejadian yang serupa tidak berulang lagi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan ke atas kejadian letupan tersebut masih belum selesai. Walau bagaimanapun, siasatan awal menunjukkan kejadian tersebut berkemungkinan disebabkan pencemaran di dalam air separation unit

(ASU) loji tersebut. Jumlah kerugian yang dialami masih belum dapat ditentukan memandangkan penyiasatan belum lagi selesai. Walaupun begitu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum kejadian tersebut pendapatan dari loji tersebut adalah kira-kira US\$300,000 sehari.

Menurut penyiasatan awal tiada kesan buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan akibat dari kejadian tersebut. Memandangkan kejadian tersebut berkemungkinan disebabkan pencemaran di dalam air separation unit (ASU), satu sistem pengawalan akan diwujudkan bagi mengesan hidro-karbon sebelum dapat memasuki ASU untuk mengelakkan berlakunya sebarang pencemaran. Di samping itu, satu sistem pembersihan akan juga diwujudkan untuk membersihkan ASU tersebut.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar semua loji penyimpanan gas cecair itu sekarang tidak dapat digunakan lagi dan kita terpaksa membuat yang baru dan terpaksa membelanjakan berbilion ringgit semula?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebut sebentar tadi iaitu penyiasatan masih lagi belum selesai. Jadi, makluman berkenaan perkara itu tidak dapat saya beri pada waktu ini.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kerajaan meluluskan EIA bagi pembinaan rangkaian kompleks petro-kimia berisiko tinggi yang mudah meletup seperti SMDS, MLNG 1, 2 dan 3, ABF, SESCO dan lain-lain begitu dekat satu sama lain dan yang berhampiran kawasan

perumahan. Apakah rasional di sebalik perancangan ini? Adakah kementerian berhasrat menyediakan satu laporan EIA baru untuk kawasan ini, iaitu Tanjung Kidurung, Bintulu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, loji-loji ini semuanya dibina di tempat itu setelah kita dapat report daripada EIA. Jadi, apa yang berlaku di sini sepertimana yang telah saya sebut, ianya satu letupan yang berlaku luar daripada dugaan kita dan tidak mencemarkan alam sekitar kita. Jadi, untuk menyediakan satu lagi report EIA, saya ingat itu tidak ada dalam hasrat kerajaan pada ketika ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

*[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) tidak hadir]*

### **TOL - MENURUKAN KADAR**

6. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menurunkan kadar tol di seluruh negara memandangkan banyak rungutan telah diterima daripada orang ramai mengenai masalah ini. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menurunkan kadarnya, jika tidak apakah alternatif yang lain.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang dijadual pada 2 April 1998 kerana membangkitkan perkara yang sama, iaitu isu mengenai cadangan menurunkan kadar tol.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah banyak kali memberi penjelasan ke atas soalan mengenai kadar tol dalam Dewan yang mulia ini, pembinaan lebuh raya secara penswastaan melibatkan perbelanjaan yang tinggi dan gestation period yang agak lama. Kadar tol yang ditetapkan di sepanjang tempoh konsesi mengambil kira kos pembinaan, kos operasi dan kos penyelenggaraan sesuatu lebuh raya bertol.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa perjanjian konsesi telah dijadikan collateral oleh syarikat konsesi untuk memperolehi pinjaman komersial. Sekiranya kerajaan membuat keputusan untuk menurunkan kadar tol, maka kerajaan terpaksa membayar pampasan kewangan kepada syarikat konsesi demi mengekalkan daya maju syarikat yang perlu menunaikan obligasinya kepada peminjam dan pengguna dari segi perkhidmatan yang berkualiti.

Kerajaan telah memutuskan meminta Kementerian Kewangan untuk merundingkan dengan pihak PLUS untuk tidak menaikkan kadar tol sebagai balasan kerajaan bersedia melanjutkan tempoh konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa bagi mengurangkan beban ke atas pengguna-pengguna, perjanjian-perjanjian konsesi yang baru ditandatangani hanya memperuntukkan dua atau tiga kali kenaikan tol di sepanjang tempoh konsesi. Walau bagaimanapun, kenaikan ini adalah

tidak secara automatik tetapi akan didasarkan kepada jumlah sebenar kutipan tol pada tarikh kenaikan tol dicadangkan berbanding dengan unjuran hasil kutipan tol semasa rundingan terma-terma konsesi dijalankan. Jika pendapatan syarikat konsesi adalah melebihi unjuran, kadar kenaikan adalah berdasarkan satu formula yang telah ditetapkan. Hanya sekiranya pendapatan kurang daripada unjuran, maka kenaikan kadar tol akan dibenarkan.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kadar tol yang begitu tinggi pada masa kini ditetapkan pada masa ekonomi yang bagus. Jadi, pada masa kini untuk menolong kerajaan membanteras inflasi, penurunan kadar tol perlulah dibuat untuk menolong kerajaan mencapai sasaran ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dr. Lee Chong Meng:**....atau dengan lanjutan tempoh konsesi. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan pandangan saya, jika tidak, sila terangkan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, iaitu pada tahun yang lepas kita tidak membenarkan kenaikan tol. Jadi, saya telah membangkitkan perkara ini kepada Jemaah Menteri, dan Jemaah Menteri selepas itu ia bersetuju. Tetapi sebelum kita mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri, kita telah memberitahu kepada syarikat keadaan ekonomi

tidak membenarkan untuk kenaikan tol dan mereka pun bersetuju. Tetapi sekarang kita dapat tahu daripada syarikat, mereka bersetuju untuk menetapkan tol yang sedia ada sekarang tetapi mereka membincang semula berkenaan dengan masa dan lanjutan masa tol atau konsesi itu. Jadi, kita sedang dalam proses untuk membincang berkenaan dengan berapakah konsesi itu boleh ditambahkan lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan penyelenggaraan lebuh raya-lebuh raya yang ada pada hari ini, kerana walaupun kita mungkin berpuas hati dengan tidak naiknya tol dan sebagainya, tetapi ada didapati juga bahawa penyelenggaraan jalan-jalan ini agak kurang memuaskan sehingga kadang-kadang kemalangan-kemalangan yang berlaku ini disebabkan oleh kerosakan jalan raya ataupun lebuh raya pada hari ini. Contohnya, Lebuhraya Utara-Selatan di Gurun ke Alor Setar, lebuh raya ini beralu-domba. Maknanya kalau kita naik kereta rasa bergoyang-goyang di dalam kereta disebabkan oleh timbul-tenggelam jalan tersebut. Jadi, adakah pihak kementerian akan menasihati pihak PLUS untuk memperbetulkan jalan-jalan ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh mengumumkan bahawa saya berpuas hati dengan penyelenggaraan mana-mana jalan raya. Jikalau saya buat seperti itu sudah sampailah tidak ada orang jaga

jalan raya itu. Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan daripada Gurun ke Alor Setar, inilah satu tempat yang kita hadapi banyak masalah, oleh kerana tanah di bawah jalan itu tidak berapa baik. Beberapa kali PLUS telah diminta untuk memperbaiki keadaan dan juga membarui jalan dan mereka sudah menjalankan beberapa kerja.

Walaupun bagaimanapun, berkenaan dengan jalan raya, saya percaya jalan raya itu bukan termasuk dalam soalan ini, ini berkenaan dengan soalan Lebuhraya Utara-Selatan sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai orang ramai dalam perkara ini daripada pihak pembangkang di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, memang ada peluang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini ialah urgent. Menteri ada di sini. Nanti mungkin Menteri tidak ada di sini, beri satu peluang supaya pihak pembangkang dalam perkara ini boleh kemukakan satu soalan tambahan. Special consideration, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Okay, baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, pendek sahaja. Yang Berhormat Menteri tadi ada kata bahawa untuk concession lebuhraya baru tidak membenarkan pertambahan tol lebih daripada dua-tiga kali dan bukan secara

automatik. Bukankah ini satu pengakuan bahawa concession yang diberikan untuk Lebuhraya Utara-Selatan sangat tidak adil (one sided), tidak beri kepentingan orang ramai. Bukankah ini satu hujah yang kuat supaya ada satu kajian semula tidak kira apa-apa contractual term yang baru. Adakah kerajaan sekarang dalam proses deprivatisation, oleh kerana PLUS menghadapi masalah dan deprivatisation di mana ada cadangan 20% PLUS dijual kepada KWSP. Bukankah ini satu usaha untuk menggagalkan objection orang ramai terhadap kenaikan tol Lebuhraya Utara-Selatan dan juga mahu satu kajian semula concession ini, oleh kerana melibatkan orang ramai melalui sebagai contributor KWSP, sebagai pemegang saham dalam PLUS. Bukankah ini perlu satu kajian semula?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, projek penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan menjadi satu projek yang pertama dalam sejarah kita. Masa itu kerajaan sendiri pun tidak mempunyai banyak pengalaman, dan selepas itu kita telah melantik beberapa juruperunding untuk mendapat nasihat daripada mereka. Pada masa itu kita telah menetapkan di jalan raya itu kita akan mengadakan lebih kurang 14,000 atau 15,000 kereta sahaja sehari, tetapi hari ini menjadi dua-tiga kali ganda. Jadi, saya suka menjelaskan kepada Ketua Pembangkang banyak di antara projek baru ditimbang semula beberapa kali baru sahaja kita menetapkan. Oleh kerana itu, keputusan kerajaan baru sahaja seperti apa saya umum tadi.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sedang membincang dengan PLUS berkenaan dengan konsesi dan juga kenaikan kadar tol dan lain-lain. Saya percaya selepas itu sahaja kementerian saya boleh mengambil alih dan juga mengumumkan apakah keputusan yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan, oleh kerana ini terletak dalam Kementerian Kewangan berkenaan dengan tol.

Minta maaf, Yang Berhormat, saya tidak ada kaitan dengan KWSP, oleh kerana kami jaga berkenaan dengan jalan raya dan tol sahaja. Selebih daripada itu, itu terletak dalam tangan Kementerian Kewangan, saya minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

### **PROJEK MEGA - PANDANGAN ULAMA ISLAM**

7. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pembangunan projek-projek mega seumpama MSC telah diminta atau diberi peringatan dan nasihat melalui para ulama institusi Islam seperti JAKIM, IKIM dan lain-lain lagi supaya pihak kerajaan mengambil kira iktibar dan pengajaran dari keunggulan tamadun Fir'aun, Saba', 'Ad dan Thamud yang akhirnya musnah dan berkubur kerana padah dan balasan akibat kekufuran mereka sebagai hamba ke atas Khaliq. Jika kiranya institusi berkenaan dianggap tidak berkelayakan untuk memberikan nasihat dan peringatan seumpama itu, adakah forum ulama sedunia perlu dan sesuai dianjurkan bagi menjelaskan perspektif Islam berhubung dengan projek-projek mega itu.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam ia tidak menekankan projek mega atau tidak. Yang penting ianya mestilah memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Malaysia adalah sebuah negara yang sedang

membangun dalam semua aspek. Penumpuan yang diberikan oleh kerajaan pada masa ini di antaranya ialah dari segi perkembangan sains dan teknologi seperti projek MSC.

Buat masa kini setiap projek mega yang dijalankan oleh kerajaan adalah berdasarkan kepada konsep syura yang mengambil dan mendengar pendapat daripada pelbagai pihak dan agensi. Sesiapa sahaja boleh memberi pandangan kepada kerajaan kerana kerajaan mengamalkan sikap terbuka, asalkan pandangan yang diberi berdasarkan kepada ilmu dan konstruktif, bukannya berdasarkan kepada emosi dan destruktif.

Negara kita mempunyai ramai bijak pandai Islam dan ulama yang mampu memberikan pandangan dan pendapat dalam usaha membangunkan negara dengan berdasarkan kepada asas yang diharuskan oleh Islam. Di samping itu, kita juga mengambil pandangan daripada ulama-ulama terkemuka daripada negara-negara luar di dalam membangunkan negara kita. Forum ulama sedunia tidak perlu bagi membincangkan secara khusus projek-projek yang dikatakan projek mega tersebut.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa hari yang lepas PM telah membuat satu kenyataan bahawa tidak ada projek mega di Malaysia ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Yang penting yang buat soalan tidak faham apakah projek mega.

### **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)-GALAKAN**

8. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimanakah kementeriannya dapat membantu majikan-majikan Malaysia membetulkan anggapan salah bahawa peruntukan penyelidikan dan pembangunan adalah untuk menjalankan latihan sumber manusia. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang 'Fundamental Science', 'Kejuruteraan Komputer' dan 'Penyelidikan Perhutanan dan Sumber-sumber Semulajadi'.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak terdapat anggapan salah di kalangan majikan-majikan Malaysia antara peruntukan penyelidikan dan pembangunan (research and development (R&D)) dan peruntukan latihan sumber manusia.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengadakan program-program berikut:

- (i) penumpuan penyelidikan dalam bidang keutamaan, dengan izin, Intensification of Research in Priority Areas (IRPA) bagi membiayai projek R&D di sektor awam;
- (ii) pembiayaan projek R&D di sektor swasta melalui Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS);

- (iii) pembiayaan projek R&D dalam bidang IT dan multimedia kepada syarikat-syarikat yang telah menerima taraf MSC melalui Geran Penyelidikan dan Pembangunan Multimedia (MGS);
- (iv) menggalakkan latihan sumber manusia melalui Tabung Pembangunan Sumber Manusia S&T (Tabung HRD S&T);
- (v) Program Pasca Siswazah dan Pasca Doctoral dan Skim Pengajaran Syarikat di bawah Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian.

Penyelidikan di bidang Fundamental Science, kejuruteraan Komputer dan Penyelidikan Perhutanan dan Sumber-seumber Semulajadi juga telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, di antara projek-projek pembangunan dan penyelidikan, berapakah projek yang telah mencapai objektif atau matlamat asal dalam pelaksanaannya. Jika ada, berapa yang sudah sampai hasil di mana produk atau hasil ini dapat dimasukkan dalam pasaran, dan apakah peruntukan yang disediakan oleh kementerian dalam semua projek R&D.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak dapat lagi hasil-hasilnya. Tetapi dari jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan hingga setakat ini begitu banyak, iaitu lebih kurang 1,959 projek telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM395 juta. Daripada jumlah ini sebanyak RM50 juta diluluskan untuk projek-projek di bawah Fundamental Science - 276 projek, RM21 juta bagi bidang Kejuruteraan Komputer dan 49 projek, RM133 juta bagi bidang Penyelidikan Perhutanan dan Sumber-sumber Ssemulajadi - 827 projek. Sementara bakinya adalah di bawah lain-lain sektor. Jadi, mungkin tidak berapa lama lagi kita akan ambil stok tentang kejayaan projek ini, ini sedang berjalan. Sekian.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan ekonomi dan juga kerajaan bercadang memotong perbelanjaan, apakah kedudukan peruntukan untuk IRPA dan lain-lain penyelidikan itu akan terjejas sedikit-sebanyak?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Terima kasih, Yang Berhormat. Setakat ini kita tidak dengar apa-apa berita lagi, saya ingin ianya terus berjalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Henrynus Amin (Kinabalu) tidak hadir]*

**SEKOLAH BESTARI - JUMLAH**

10. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang kewujudan sekolah bestari:

- (a) berapa banyakkah sekolah bestari yang sudah pun diwujudkan. Apakah nama-nama mereka; dan
- (b) sekolah-sekolah yang manakah akan dinaikkan taraf kepada sekolah bestari dalam masa lima tahun yang akan datang.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan;

- (a) Perancangan Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan sekolah bestari di peringkat projek printis ialah sebanyak 90 buah, terdiri daripada 9 buah sekolah baru dan 81 buah sekolah sedia ada. Semua sekolah ini dijangkakan memulakan program sekolah bestari pada awal tahun 1999.
- (b) Kementerian Pendidikan memang merancang untuk melaksanakan sekolah bestari ke seluruh negara. Namun demikian, bilangan sebenarnya sekolah-sekolah yang dinaikkan taraf kepada sekolah bestari belum dapat ditentukan memandangkan kegawatan ekonomi yang

dialami sekarang. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan mengalu-alukan sekolah-sekolah yang ingin mengambil inisiatif sendiri untuk menaikkan taraf ke sekolah bestari, tetapi mestilah berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bilangan sekolah-sekolah bestari yang dirancangan itu, berapa banyak di Sabah dan Sarawak berbanding dengan di Semenanjung Malaysia. Adakah pihak kementerian mengambil kira pandangan orang ramai khususnya daripada para pendidik dan juga kesatuan guru-guru bahawa istilah yang digunakan bestari itu sepertimana yang dibincangkan boleh dianggap hangat sedikit dalam media massa, tidak akan membawa kesan psikologi yang sihat kepada murid-murid khususnya mereka yang tidak berada atau belajar dalam sekolah-sekolah bestari. Bolehkah istilah ini diubah sedikit supaya ia tidak akan timbul pula perasaan seolah-olah ada wujud diskriminasi dalam pendidikan komputer kepada sekolah-sekolah tersebut untuk anak-anak kita.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 90 buah sekolah yang kita rencanakan itu ada empat di Sabah dan empat di Sarawak. Apabila kita memperkatakan soal kesan, pertama sekali kepada pelajar-pelajar lain, pada hemat kami di Kementerian Pendidikan, kita

sentiasa bersedia menerima apa juga pandangan dan juga teguran. Ini satu perkara yang biasa kita amalkan di Kementerian Pendidikan. Kita berunding dahulu dan kita mendengar, kita meninjau, kita menyelam macam-macam pandangan daripada semua lapisan anggota masyarakat kita, kerana yang kita hendak buat itu ialah yang baik untuk anak-anak kita semua. Kita yakin apabila sekolah-sekolah ini nanti mula dilaksanakan mulai tahun 1999 perkara yang ada hubung kait dengan kesan-kesan psikologi dan lain-lain semuanya diambil kira belaka.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sekolah bestari ini akan dilanjutkan berkekalan sehingga kita ada dua sistem pelajaran di dalam negara kita. Kalau ini dilanjutkan, apakah kriteria untuk mewujudkan sebuah sekolah bestari dan adakah ini juga akan dilaksanakan di luar bandar, dan jika tidak, apakah yang terjadi dengan penuntut-penuntut di luar bandar?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi matlamat jangka panjang kita ada lebih sedikit daripada 8,000 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Kita telah merencanakan (time frame) supaya akhirnya nanti semua sekolah ini akan ditukarkan kepada sekolah bestari, termasuk kawasan luar bandar, kawasan Yang Berhormat dan kawasan saya termasuk belaka. Jadi, tidak timbullah soal itu. Cuma yang kita

hendak teliti dengan cermat ialah keberkesanan sistem, cara dan pendekatan ini kepada penguasaan ilmu di kalangan anak-anak kita. Ini perkara yang kita teliti dengan cukup cermat.

### **PERABOT KAYU GETAH - BEKALAN**

11. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) memandangkan kini Malaysia telah menjadi negara pengeksport perabot berasaskan kayu getah yang terbesar di dunia, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menjamin supaya sumber keluaran kayu getah sentiasa mencukupi; dan
- (b) apakah langkah-langkah kementerian untuk membantu para pengeluar perabot Malaysia yang menemui persaingan kuat industri berasaskan kayu getah di peringkat antarabangsa.

### **Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun**

**Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk menjamin supaya sumber keluaran kayu getah sentiasa mencukupi, kerajaan menerusi agensi-agensi seperti Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Jabatan Hutan telah pertamanya menjalankan penyelidikan melalui penubuhan beberapa ladang hutan getah di Kemasu,

Pahang; Kerling, Selangor; Sandakan, Sabah; Gemas, Negeri Sembilan; Machang, Terengganu dan Niah.

Keduanya, telah pun memperkenalkan klon-klon pokok getah baru Siri 2000 yang mempunyai ciri tumbesaran yang cepat sesuai untuk mengeluarkan susu getah dan boleh ditebang untuk kayu getah dalam tempoh 12 sehingga 15 tahun. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti tanam semula yang dilaksanakan secara berterusan oleh agensi-agensi seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan syarikat-syarikat ladang getah akan menjamin bekalan kayu getah untuk keperluan industri perabot terus terjamin.

Selanjutnya dalam usaha pengawalan agar bekalan kayu getah untuk industri perabot kayu getah tempatan mencukupi dan menggalakkan pengeksporan kayu getah yang bernilai tambah dalam bentuk produk kayu getah yang telah diproses seperti Tanggang, kayu Kumai dan perabot, Kementerian Perusahaan Utama telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) semenjak tahun 1990 eksport balak getah telah diharamkan sama sekali;
- (ii) menghadkan eksport kayu getah bergajaji melalui sistem kuota; dan
- (iii) mengenakan bayaran levi eksport kayu getah bergajaji antara RM120.00 yang dikering udara dan RM180.00 bagi yang dikering tanah.

Kementerian Perusahaan Utama juga melalui agensi-agensi seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia sentiasa mengawal dan mengesan keadaan kayu getah sentiasa mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

- (b) Dari segi pengeluaran perabot, LPKM menjalankan kursus-kursus untuk memberi latihan dalam perancangan dan pengawalan proses pengeluaran perabot secara am dan juga mengenai aspek-aspek tertentu seperti reka bentuk dan kemassiapan perabot. LPKM juga telah menubuhkan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu di Kompleks Perabot Olak Lampik, Pusat Teknologi Perabot di Pulau Pinang dan Terengganu Timber Industry Training Centre untuk menjalankan kursus-kursus bagi melatih

pekerja peringkat operator dan penyelia dalam pengeluaran produk kayu.

Adalah diharapkan melalui rancangan latihan yang dijalankan oleh institusi-institusi berkenaan, produktiviti dan kualiti pembuat perabot tempatan dapat dipertingkatkan. Dari segi pemasaran, di antara langkah-langkah untuk membantu pengusaha-pengusaha dalam menggalakkan pasaran adalah dengan menyertai pameran-pameran perabot antarabangsa seperti Colon-International Furniture Fare di Jerman, High Point Fare di USA, dan Dubai Fare UAE. Satu pameran perabot tahunan juga diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia International Furniture Fare untuk menarik para pembeli antarabangsa melihat dan membeli perabot yang dikeluarkan oleh Malaysia. Selain daripada itu, para pengeluaran perabot Malaysia juga digalakkan menyertai misi perdagangan yang dianjurkan ke pasaran-pasaran tertentu seperti di Eropah, di Asia Barat, Timur Jauh dan sebagainya.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap terima kasih kepada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Soalan saya ialah, kita mengetahui sekarang

ini bahawa kerajaan oleh kerana keadaan kewangan akan mengurangkan peruntukan tanam semula kepada penanaman getah di negara ini. Dalam keadaan ini, oleh kerana kekurangan peruntukan ini, apakah pendirian dan pandangan ataupun usaha Kementerian Perusahaan Utama untuk membantu peruntukan kewangan penanam semula getah ini dapat dipertingkatkan, kerana sekarang ini kerajaan telah memotong lebih kurang daripada 40,000 hektar hanya kepada 15,000 hektar sahaja yang dapat ditanam semula.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Sememangnya dalam kegawatan ekonomi ini peruntukan dikurangkan. Tetapi ada juga wujud kelemahan-kelemahan dari segi industri dan sektor getah yang perlu kita perkukuhkan lagi dan juga perkemaskan lagi. Maka seperti yang saya sebutkan dalam jawapan asal tadi, klon-klon baru seperti Siri 2000 dan juga cara dan teknik baru untuk meningkatkan produktiviti mampu untuk kita luaskan dan juga jaga dan pelihara supaya jumlah keluaran dan kualiti yang kita eksport masih lagi dapat kita kekalkan walaupun peruntukan kurang.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan industri perabot kian menjadi satu sektor yang amat penting pada ekonomi kita, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang menubuhkan satu institusi perabot untuk memberi latihan dan perkhidmatan teknikal khususnya dalam R&D kepada usaha industri.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Sememangnya R&D memainkan peranan yang begitu penting untuk kita memastikan bahawa kekuatan dan kelebihan yang ada dari segi hulu dan hiliran dalam sektor ini dapat kita perhebatkan lagi. Dalam ucapan asal saya tadi bahawa kita telah pun mewujudkan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu di Selangor, satu di Pulau Pinang dan satu lagi di Terengganu.

Setakat hari ini, institusi-institusi ini tidak dimanfaatkan secara sepenuhnya, maka kementerian dan kerajaan mengharapkan bahawa kita gunakan institusi-institusi yang sedia ada supaya kita dapat jimat dari segi kos dan tidak ada pertindihan dari segi mewujudkan institusi-institusi lain.

#### **PAPAN IKLAN PERNIAGAAN MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA - ARAHAN**

12. **Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kementerian akan memberi nasihat kepada gedung-gedung perniagaan supaya memberi keutamaan penggunaan Bahasa Malaysia di tempat yang sepatutnya di papan-papan iklan perniagaan. Sekiranya peringatan dan nasihat tidak berkesan sama ada kementerian akan gunakan undang-undang dengan tegas tanpa tolak ansur.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya mahukan semua pihak yang terlibat dengan pengiklanan di dalam negara ini memberikan keutamaan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua jenis pengiklanan. Oleh itu, kerajaan melalui Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan telah pun

menggubal satu Undang-undang Kecil Iklan untuk diguna pakai secara seragam oleh semua pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia. Di dalam Undang-undang Kecil Iklan yang seragam ini syarat-syarat yang memerlukan supaya Bahasa Malaysia diberikan keutamaan dinyatakan dengan jelas. Pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia dalam hal ini, dengan bantuan Dewan Bahasa dan Pustaka sedang giat menguatkuasakan peruntukan undang-undang tersebut. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga akan menentukan bahawa pihak berkuasa tempatan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berkenaan dengan adil dan saksama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun saya memang mengalu-alukan jawapan yang hendak melaksanakan dasar penggunaan Bahasa Malaysia ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di banyak tempat, termasuk dekat Tugu Negara ada Persiaran Salahuddin, di sebelah itu ada 'persiaran' dan di sebelah yang lain ada 'pesiaran'. Saya sebutkan dua tahun yang lepas tetapi tidak ada tindakan. Begitu juga dengan dekat Plaza Tol Lebuhraya Persekutuan ada Persiaran Kayangan, Persiaran Selangor dan pelbagai persiaran lagi, di semua tempat ada macam itu. Bukan sahaja setakat bas...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Baru gunting rambut!

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...soalannya, apakah tindakan yang telah pun dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyeragamkan semua pelaksanaan bahasa, termasuk dengan Majlis....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....Perbandaran di Melaka, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat jangan ambil kesempatan untuk berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan ucapan, ini memang contoh-contoh untuk Yang Berhormat....

**Seorang Ahli:** Merapu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....mengambil perhatian yang tepat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Jangan berucaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Lagipun, Yang Berhormat, saya rasa soalan ini agak terkeluar. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Walaupun ianya bersabit dengan penggunaan Bahasa Malaysia....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ....istilah itu saya rasa....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kepong jangan merapu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ...ejaan perkataan dan sebagainya bukan dalam bidang kuasa kementerian yang berkenaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jalan bahasa dan sebagainya, itu bukan bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukankah? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, semua kelulusan iklan dan perkataan itu dilulus oleh pihak kerajaan tempatan. Ini memang mungkin Yang Berhormat berfikir penyelarasan di antara DBP dengan kerajaan tempatan. Itu memang penting sekali.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku Yang Berhormat dari Kepong ini benar, bahawa mulanya dia berkata dia meminta, saya tidak ingat bila, mengatakan meminta Kementerian Pendidikan. Tetapi pada hari ini dia menunjukan soalan itu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sememangnya pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka sedang giat menguatkuasakan peruntukan undang-undang tersebut, iaitu di mana bahasanya, perkataanya yang tidak digunakan ejaan-ejaan yang sebenar, yang betul sepatutnya diperbetulkan. Ini adalah kenyataan. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya minta Yang

Berhormat kalau boleh senaraikan di mana-mana sahaja supaya perkara ini dapat... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Cukup!

**Dato' Azmi bin Khalid:** Kalau Yang Berhormat hendak membantu kerajaan, inilah caranya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jangan merapulah!

**Dato' Azmi bin Khalid:** Yang Berhormat tidak perlu menyebutkan sekarang, tetapi boleh senaraikan kepada saya, kita akan cuba mengambil tindakan. Terima kasih.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah penggunaan bahasa dalam iklan ini sebenarnya adalah satu isu lama yang banyak kali ditimbulkan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun sebenarnya bidang kuasa kementerian ini hanyalah mengenai iklan, billboard di bawah kuatkuasa majlis-majlis tempatan dan kerajaan-kerajaan tempatan, tetapi kita mempunyai pihak berkuasa lain meluluskan iklan. Kalau iklan untuk media, kementerian lain, begitu juga dengan akhbar. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian ini bersedia mengambil inisiatif untuk menyelaraskan semua authority yang meluluskan iklan ini supaya dapat diselaraskan dan langkah ini dapat disatukan

supaya jangan orang lain dasar lain, kementerian lain dasar lain pula. Sekian, terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai kementerian, kita tidak ada kuasa untuk menyelaraskan, tetapi kalaulah Ahli Yang Berhormat ingin mencadangkan saya rasa wajar dicadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan yang mempunyai kuasa penuh kepada yang mengawalselia Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengambil tindakan sebagai satu badan yang menyelaraskan perkara ini. Terima kasih.

#### **RIZAB TUKARAN ASING NEGARA - JUMLAH YANG MUNASABAH**

13. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah rizab tukaran asing negara. Apakah jumlah rizab yang dianggap munasabah. Apakah hendak kita buat untuk meningkatkan rizab kepada US\$200 bilion.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, rizab luar negeri Bank Negara Malaysia pada 14 Mac 1998 berjumlah RM56.8 bilion. Jumlah ini mencukupi untuk membiayai 3.2 bulan import tertangguh.

Mengenai sama ada kita perlu meningkatkan rizab negara kepada US\$200 bilion, ini merupakan satu kemungkinan pada masa hadapan apabila asas ekonomi negara telah berkembang dan memerlukan rizab yang lebih besar untuk membiayai jumlah import yang lebih tinggi.

Namun begitu, apa yang lebih penting dalam masa jangka sederhana ialah untuk kita terus kukuhkan kedudukan imbangan pembayaran negara, terutamanya akaun semasa.

Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa dahulu apabila rizab negara adalah terlalu tinggi berbanding dengan keperluan membiayai import, kumpulan wang antarabangsa (IMF) pernah menasihatkan bahawa kita tidak perlu mempunyai rizab yang terlalu tinggi, memandangkan rizab negara yang berlebihan boleh digunakan secara produktif bagi tujuan pembangunan sosio ekonomi negara.

Apa yang penting ialah untuk kita mencapai satu keseimbangan di antara keperluan mengadakan tahap rizab yang mampu membiayai keperluan import negara serta mempertahankan kejutan luaran dan pada masa yang sama menggunakan rizab yang berlebihan untuk membiayai pembangunan sosio ekonomi negara.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat mengesahkan sama ada RM56.8 bilion ataupun Dollar Amerika Syarikat? Saya ingat tadi ada salah sedikit.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah dalam Ringgit Malaysia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar, ini sangat rendah iaitu rizab Malaysia sekarang. Adakah Yang

Berhormat berfikir bahawa kita hendak mirip, hendak mencontohi Amerika Syarikat kerana di dalam dunia ini walaupun Amerika Syarikat merupakan satu kuasa ekonomi yang terbesar di dunia, tetapi tukaran asing negara itu sangat rendahlah, tidak sampai dalam senarai sepuluh negara yang terkemuka di dunia ini, kalau itu betul mengapa kita tidak pandang kepada Singapura, Taiwan, Hong Kong dan China yang mempunyai rizab yang tinggi dan ketika kegawatan ekonomi ini mereka tidak terjejas seperti seteruk Malaysia.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat kita rizab seumpama ini yang boleh membenarkan kita membiayai import tertanggung itu selama 3.2 bulan itu adalah memadai mengikut pengalaman yang kita perolehi selama ini dan lagi pun kita mempunyai rizab yang tidak termasuk untung daripada pertukaran rizab yang terdapat dalam US Dollars iaitu lebih kurang RM24.8 bilion sebagai satu rizab yang tidak termasuk dalam pengiraan kita, ini adalah secara konservatif, berbanding sama ada kita hendak ikut Amerika Syarikat itu, ini tidaklah merupakan satu model yang perlu kita banding kerana ini adalah satu negara yang begitu maju dan dengan asas-asas yang berlainan dan tidak mungkin Malaysia hendak dibandingkan dengannya.

Walau bagaimanapun dengan Singapura dan Taiwan, mereka mempunyai polisi yang berlainan, walaupun mereka mempunyai rizab yang kukuh tetapi pada masa ini mereka mengalami kerugian yang besar juga dari kegawatan ekonomi ini. Ini adalah disebabkan kerana pengeluarannya

hendaklah dijual dengan harga yang lebih mahal dan walaupun mereka dengan dasar supaya dapat meninggikan keyakinan mata wang masing-masing pada masa yang dahulu, tetapi oleh kerana dilanda kegawatan ekonomi ini, mereka juga rugi dengan margin yang begitu besar. Katalah Singapura telah kerugian lebih kurang 20% dalam kegawatan ekonomi

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 9 dan 14 hingga 45 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

#### **Penghantaran Pulang Pemandang Asing Tanpa Izin**

**3.35 ptg.**

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin mengemukakan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) repatriasi iaitu Pemulangan Semula Paksaan oleh Kerajaan Malaysia 513 pelarian politik Aceh iaitu termasuk 24 mangsa tragedi terbunuh oleh pasukan polis kepada pemerintah Indonesia.

Dengan hormat takzim saya merujuk kepada Usul di atas bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen Tumpat menangguhkan Majlis untuk membincangkan isu repatriasi iaitu pemulangan semula paksaan oleh Kerajaan Malaysia 513 pelarian politik Aceh termasuk 24 mangsa tragedi terbunuh oleh pasukan polis kepada pemerintah Indonesia pada Jumaat 27 Mac 1998.

Dua hujah adalah seperti berikut:-

- (a) Pada lebih kurang jam 5.15 petang 26 Mac 1998 puluhan trak dan anggota FRU lengkap bersenjata telah repatriasi tahanan untuk dipindahkan ke Pangkalan TLDM Lumut menyebabkan 24 tahanan politik Aceh itu telah terbunuh di samping ramai yang cedera. Insiden yang sama juga berlaku di Pusat Tahanan di Melaka, Negeri Sembilan dan juga Pulau Pinang tetapi mujur tidak melibatkan sebarang kematian.

Adalah difahamkan dimasa yang sama dua buah kapal tentera Indonesia sedang berlabuh di Lumut dan Pelabuhan Klang untuk urusan membawa mereka pulang.

- (b) Bagi kepentingan memelihara imej Kerajaan Malaysia dan menjamin hak kemanusiaan pelarian politik Aceh,

maka kerajaan adalah sewajarnya mengambil tindakan segera berdasarkan kriteria berikut:-

- (i) menghentikan repatriasi paksaan pelarian politik Aceh dengan serta-merta;
  - (ii) membenarkan suruhanjaya hak kemanusiaan PBB di Malaysia dan Jawatankuasa Bulan Sabit Merah Antarabangsa (ICRC) menemui pelarian-pelarian itu;
  - (iii) menubuhkan suruhanjaya penyiasat bebas untuk menyiasat tragedi kematian pelarian politik tahanan dan juga anggota polis;
  - (iv) mendedahkan kepada umum keputusan siastan Suruhanjaya Penyiasat Bebas itu.
- (c) Memandangkan imej pasukan polis sedang menurun dan terjejas sejak akhir-akhir ini ekoran kematian orang awam yang melibatkan tindakan anggota pasukan polis atas nama menjalankan tugas menguatkuasakan undang-undang, seolah-olah suatu keadaan telah berlaku dan wujud sehingga mengancam nyawa orang ramai.

Ketiga, justeru itu saya dengan penuh keyakinan mendapati bahawa hujah-hujah di atas adalah memenuhi tiga syarat di bawah Peraturan Mesyuarat

18(1) bagi mengizinkan Majlis ini ditangguhkan sekarang iaitu perkara ini adalah menepati syarat-syarat perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan juga perlu disegerakan.

Sekianlah dimaklumkan dan di atas budi baik Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di dalam perkara ini, maka terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tumpat pada 28 Mac 1998 jam 10.26 pagi.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Yang Amat Berhormat yang berkenaan. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu. Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ianya adalah bagi kepentingan orang ramai.

Pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan oleh kerana ianya telah pun berlalu dan sebarang tindakan yang berkaitan dengannya telah pun selesai.

Menurut maklumat yang diterima jumlah kemalangan jiwa ialah seorang anggota polis FRU dan lapan orang pendatang tanpa izin bukannya 24 orang sepertimana yang didakwa tadi di dalam Usul yang diterima.

Adalah juga tidak benar bahawa anggota polis FRU yang menyerang pendatang asing tanpa izin, tetapi kekecuaan yang berlaku adalah lebih kepada tindakan mempertahankan diri mereka dari diserang oleh pendatang asing tanpa izin yang telah menggunakan senjata-senjata tajam buatan sendiri.

Penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin yang ditahan di depot tahanan Imigresen merupakan satu proses biasa dan bukannya paksaan. Mereka telah ditahan buat sementara bagi membolehkan urusan didokumentasi dijalankan sebelum dihantar pulang.

Kesemua pendatang asing tanpa izin yang dihantar pulang pada 26 Mac lalu bukanlah pelarian politik, sebaliknya mereka adalah pendatang asing tanpa izin yang melanggar peraturan Imigresen atas desakan ekonomi. Kesesakan depot tahanan Imigresen telah memaksa kerajaan mempercepatkan penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin yang terlibat.

Pihak Kerajaan Indonesia juga telah melahirkan rasa dukacita mereka di atas kejadian yang tidak seharusnya berlaku apabila ianya telah dicetuskan oleh

pendatang asing tanpa izin yang berkenaan. Kita tidaklah boleh menyalahkan sesiapa di kalangan kita dalam hal ini. Apa yang telah berlaku di Semenyih itu telah pun berlaku.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. *[Tepuk]*

## **USUL**

### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bbilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa

membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan.” [26

*Mac 1998]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah diminta sambung.

**3.43 ptg.**

**Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang kepada saya untuk menyambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua perlu merasa yakin dengan diri kita sendiri bahawa kita boleh membantu dalam hal menangani kegawatan ekonomi negara. Tetapi sekiranya kita masih membeli barangan yang diimport dari luar negara dan menyimpan wang dalam bank asing, ia akan mendatangkan kesan dalam nilai mata wang negara dan seterusnya mengakibatkan rakyat negara kita menderita. Negara kita juga mungkin perlu meminjam wang dari bank asing dan kehilangan kuasa untuk mengawal keadaan ekonomi dan seterusnya ekonomi negara kita akan terus dikawal oleh negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan di sini bahawa sejak kejatuhan ekonomi negara, kadar harga barang naik begitu mendadak ataupun tiba-tiba terutamanya barangan import, sebagai contoh harga ayam. Walaupun kita hendak secara tempatan tetapi bahan makanan atau dedak makanan ayam diimport dari Amerika, ia melibatkan nilai tukaran wang yang begitu tinggi dan kenaikan harga ayam kesan daripada itu tidak dapat dinafikan lagi.

Dalam hal ini kerajaan perlu memikirkan bagaimana untuk mengawal harga ayam dengan menggantikan sumber bahan makanan ayam boleh didapati di dalam negara tanpa perlu diimport dari negara luar. Adalah tidak adil sekiranya kita terus mengarahkan penjual-penjual ayam atau penternak-penternak ayam terus menurunkan harga ayam tanpa sebarang alternatif bagi mengawal kenaikan harga bahan makanan ayam.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kerajaan Malaysia telah pun menggalakkan rakyat agar menanam sayur-sayuran sendiri, masyarakat kita kini suka makan sayur-sayuran import seperti kailan Hong Kong, coysam, ketam Beach Island, orange California dan buah kiwi New Zealand dan seumpamanya. Sikap ini merupakan salah satu tabiat yang menyebabkan limpahan masuk barang-barang import ke negara kita,

Oleh yang demikianlah, Kerajaan Malaysia perlu menggalakkan rakyat kita menanam kailan Cameron Highlands, coysam Kampar, betik, nenas dan buah-buahan tempatan yang lain, ini kerana buah-buahan tempatan juga mempunyai khasiat dan vitamin yang sama dengan buah-buahan yang diimport, sungguhpun negara kita mengamalkan dasar perdagangan bebas, namun inilah masanya kita membantu negara dengan menumpukan kepada sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga ingin menegaskan kepada pihak kerajaan sekiranya kerajaan ingin rakyat negara ini membeli barangan

tempatan, maka kerajaan hendaklah memberi lebih banyak insentif dan bantuan sebagai contoh untuk menggalakkan rakyat menanam sayur dan buah-buahan, kerajaan hendaklah mengarahkan kerajaan negeri membenarkan rakyat mengusahakan tanaman sayur-sayuran di tanah-tanah kerajaan yang belum diterokai. Pada masa yang sama kerajaan negeri perlu memberi garis panduan serta khidmat nasihat tentang sayur-sayuran dan buah-buahan apa yang sesuai ditanam di sesuatu kawasan yang telah dikenalpasti untuk tujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Perak terdapat satu kawasan yang amat sesuai untuk tanaman limau bali atau limau tambun. Menurut pakar, tanah di kawasan tersebut mengandungi baja, tanah dan air yang sesuai untuk tanaman tersebut. Malangnya kawasan yang dimaksudkan akan diserahkan kepada pemaju untuk projek perumahan.

Untuk pandangan saya, rumah boleh dibina di mana-mana sahaja, tetapi buah limau tambun hanya sesuai ditanam di kawasan tersebut, saya bimbang generasi akan datang hanya akan mendengar nama limau tambun sahaja tetapi tidak tahu bagaimana rupa buah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, pada suatu masa dahulu, kacang megapou amat popular di kawasan Menggapou di Perak, namun generasi masa kini tidak lagi dapat melihat kacang tersebut di Menggapou kerana tempat tersebut telah pesat membangun.

Oleh yang demikian, saya berpendapat kerajaan perlu merancang untuk jangka masa panjang demi mengekalkan unsur-unsur seperti ini untuk generasi yang akan datang, kerajaan perlu menyediakan payung sebelum hujan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan ini adalah masanya untuk kerajaan memikirkan semula konsep penswastaaan di negara ini. Kita perlu meringankan beban kerajaan dan pada masa yang sama tidak membebankan rakyat, biarlah konsep penswastaaan itu mendatangkan faedah kepada kedua belah pihak. Malangnya saya merasa sedih kerana disebabkan negara kita telah mencapai zaman kegemilangan ekonomi dalam masa lapan tahun yang lalu, kita telah lupa akan bahaya penswastaaan dan tidak membuat perancangan awal mengenainya.

Sebagai contoh, projek Lebuhraya Utara-Selatan. Tol di sesetengah tempat telah dinaikkan pada kadar 50% dan sesetengahnya pula dinaikkan kepada 100%. Sekiranya kerajaan tidak mengkaji semula perjanjian berkenaan, pada tahun 2018 bayaran tol dari Johor Bharu di Bukit Kayu Hitam yang kini hanya RM90 akan dinaikkan kepada RM200. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 120%.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada Kerajaan Pusat agar mengkaji semula kontrak dan perjanjian tersebut, mungkin kerajaan boleh melanjutkan tempoh kontrak kepada jangka masa yang lebih panjang dan cara

yang sedemikian mungkin dapat menurunkan kadar kenaikan tol tersebut dari tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana sekiranya kontrak berkenaan tidak dikaji semula, kadar bayaran tol adalah lebih tinggi daripada kadar bayaran petrol kenderaan. Misalnya pada masa ini dari Ipoh ke Kuala Lumpur, kadar bayaran petrol adalah RM15, sedangkan bayaran tol untuk jarak perjalanan yang sama adalah RM20.

Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya dalam menandatangani kontrak Lebuhraya Utara-Selatan, kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat bilangan tertentu kenderaan yang menggunakan lebuhraya PLUS. Sekiranya bilangan tersebut tiada mencukupi, kerajaan terpaksa membayar pampasan tertentu tetapi mengapa sekiranya pihak PLUS mendatangkan keuntungan kerajaan tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya. Setahu saya juga setiap tahun PLUS menaikkan kadar tol untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan tetapi bolehkah saya bertanya adakah mereka perlu penyelenggaraannya setiap tahun?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penswastaaan sampah-sarap. Walaupun aktanya masih belum diluluskan di Parlimen ini Dewan yang mulia ini tetapi syarikat swasta yang berkenaan seolah-oleh terlalu mendesak pihak berkuasa tempatan agar menswastakan perkhidmatan sampah-sarap. Jika tujuan penswastaaan itu adalah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan

kutipan sampah, ianya memanglah baik tetapi sekiranya ia semata-mata untuk mengaut keuntungan dan bayaran dari orang awam, saya tidak bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pihak kerajaan tempatan tidak pernah mengenakan bayaran untuk perkhidmatan kutipan sampah dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan dalam hal-hal yang lain, apa akan terjadi sekiranya pihak berkuasa tempatan tidak lagi bertanggungjawab dalam soal kebersihan, siapa yang akan menjaga kebersihan tepi jalan, taman dan seumpamanya dan siapa pula yang akan membayar untuk perkhidmatan tersebut. Di samping itu, bolehkah saya bertanya apakah fungsi pihak berkuasa tempatan dari segi kebersihan dan sekiranya perkhidmatan kutipan sampah diwastakan, apakah gunanya pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini pihak berkuasa tempatan telah pun mengutip cukai taksir daripada public dan adakah kemungkinan Indah Water Konsortium (IWK) dan Northern Waste Industry (NWI) mendapatkan bayaran yang sewajarnya daripada pihak berkuasa tempatan dan bukannya daripada public. Sekarang ini pun didapati, sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai IWK, pihak berkuasa tempatan tidak bertanggungjawab terhadap syarikat ini dan IWK memberi pelbagai alasan. Kesannya public melapor kepada wakil rakyat, oleh yang demikian saya harap kerajaan akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan untuk mengawalselia pihak swasta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terbaca di dalam akhbar bahawa Pengerusi Eksekutif Prime Utility Berhad, the prime company of Indah Water Konsortium telah menyatakan bahawa kutipan bayaran untuk bil-bil Indah Water mengalami masalah disebabkan pengaruh wakil rakyat kepada public. Menurut beliau lagi hanya 30% daripada pelanggan IWK yang sanggup membayar bil pebetungan sedangkan 70% lagi enggan berbuat demikian termasuklah golongan VIP seperti Datuk-datuk dan Tan Sri-Tan Sri. Beliau juga mendakwa bahawa Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang mendesak public agar tidak membayar bil pebetungan dan IWK akan mendakwa public di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap beliau akan berfikir secara mendalam mengapa public enggan membayar bil pebetungan yang dikeluarkan oleh IWK.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berkenaan selalu menekankan bahawa jika tiada perkhidmatan maka tiada bayaran akan dikenakan, no service, no charge, dengan izin. Oleh itu, saya tidak fikir public akan membayar sekiranya tiada perkhidmatan yang diberi oleh IWK kepada mereka atau perkhidmatan yang diberikan itu tidak memuaskan. Pendek kata public bukannya dipengaruhi oleh wakil rakyat tetapi dapat menilai sendiri perkhidmatan yang diberikan oleh IWK.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa pula wakil rakyat seperti kami ini hendak menentang IWK dan mendesak public agar tidak membayar kepada syarikat tersebut kerana ia tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan kepada kami selaku wakil rakyat dan tidak juga kepada IWK. Kami selaku Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri hanya menjalankan tugas kami untuk menjaga kepentingan rakyat, sekiranya perkhidmatan yang diberikan oleh IWK tidak bagus atau bayaran yang dikenakan terlalu tinggi sudah pastilah public enggan membayar walau satu sen kepada IWK.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin memberitahu mengenai satu kisah benar di kawasan saya di negeri Perak. Terdapat satu kawasan perumahan iaitu Taman Pertisya di kawasan Lahat, Ipoh. Pada bulan September 1997, saya telah menerima satu panggilan daripada penduduk yang tinggal di taman perumahan tersebut yang menyatakan bahawa pekerja IWK telah mengorek empat buah kolam bersaiz tiga meter kali enam meter dan sedalam satu meter di situ. Setelah itu, lori IWK telah membuang najis ke dalam kolam tersebut. IWK sebenarnya tidak mempunyai loji najis di kawasan saya dan sewenang-wenangnya mencampakkan najis yang dibawa dari tempat lain ke dalam kolam yang dikorek di Taman Pertisya tersebut. Akibatnya penduduk-penduduk di situ terpaksa menghidu bau busuk najis dan tidak tahan lagi dengan situasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat jika IWK ingin memberikan perkhidmatan terbaik kepada public serta mengutip bayaran daripada mereka, IWK hendaklah bertanggungjawab dan mencari lokasi lain yang jauh dari taman perumahan untuk melupuskan sisa-sisa pepejal. Apa yang berlaku sekarang ini ialah mereka hanya berminat untuk mendapatkan kontrak kerajaan dan mengutip wang dari public tetapi tidak mahu bertanggungjawab langsung dari segi kesihatan awam dan juga kebersihan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya tidak faham apa yang dimaksudkan dengan slogan IWK, let do waste water makes stream, dengan izin, jika sisa-sisa pepejal yang dibuang itu masuk ke dalam tanah serta mencemarkan air di bawah tanah seterusnya menjejaskan alam sekitar. Oleh itu, saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa saya amat menentang tindakan yang dilakukan oleh IWK tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada foto-foto yang boleh [*sambil menunjukkan foto tersebut kepada Dewan*] menunjukkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kecewa dan dukacita macam mana IWK boleh berbuat demikian. Saya telah melaporkan perkara ini kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, malahan ini bukanlah satu-satunya kejadian yang melibatkan IWK berlaku di negeri

Perak khususnya di kawasan saya. Public juga melaporkan bahawa loji-loji najis yang diambil alih daripada pihak berkuasa tempatan juga tidak dijaga dengan baik. Penduduk-penduduk di satu-satu taman perumahan tidak dapat menahan bau busuk yang keluar dari loji-loji berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua kejadian seperti ini tidak pernah berlaku semasa pemetungan dan loji-loji najis di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan. Saya mengetahui hal ini kerana pada suatu masa dahulu saya pernah bertugas sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap IWK janganlah seolah-olah tidak berpuas hati dan mengadu kononnya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang menyebabkan mereka tidak dapat mengutip bayaran pemetungan. Saya harap pihak pengurusan IWK akan berbincang dengan kerajaan khususnya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar meneliti kontrak mereka dan mencari satu jalan untuk menyelesaikan masalah yang diutarakan oleh rakyat, tambahan pula dalam keadaan negara menghadapi krisis ekonomi, rakyat tidak mampu untuk membayar jumlah yang begitu tinggi kepada IWk.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya rakyat juga merungut mengenai kenaikan kadar tol di Lebuhraya Utara-Selatan, tetapi sekurang-kurangnya dalam hal ini rakyat mempunyai pilihan untuk tidak menggunakan lebuhraya dan melalui

jalan lama tetapi dalam hal pembedaan ini, nampaknya rakyat langsung tiada pilihan, tetapi terpaksa membayar kepada IWK.

Oleh yang demikian, saya amat tidak berpuas hati dengan dakwaan Pengerusi Eksekutifnya bahawa wakil rakyatlah yang selalu memesungkan fikiran public daripada membayar kepada IWK.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin yang lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan satu lagi syarat bagi menurunkan kadar pertumbuhan kasar negara kepada 22%.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Mesyuarat Belanjawan 1998 pada bulan Oktober tahun lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan kadar pertumbuhan kasar negara adalah 7% dan pada bulan November 1997 beliau menekankan sekali lagi bahawa kadar pertumbuhan kasar negara telah diturunkan kepada 4% hingga 5%.

Namun kini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan sekali lagi bahawa kadar pertumbuhan kasar negara telah dikurangkan kepada 2% dan kadar inflasi meningkat dari 4% ke 8%, ini menunjukkan ketelusan pemerintahan kerajaan dan juga sikap tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat terutamanya kepada orang asing, kerajaan juga telah berjaya menangani masalah serangan mata wang asing terhadap ekonomi atau krisis mata wang kita tanpa perlu meminjam daripada International Monetary Fund (IMF), dengan izin. Kita juga perlu memuji langkah kerajaan yang

mengambil langkah tegas terhadap pihak swasta dan badan-badan korporat agar tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan syarikat atau peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan seharusnya mengambil tindakan tegas terhadap mereka atau badan yang menggunakan keadaan ekonomi negara ini untuk kepentingan sendiri demi menjaga kepentingan rakyat. Sebagai contoh, The Sime Bank, mereka dikatakan menghadapi masalah bad debt, dengan izin, sebanyak RM1.8 bilion, walaupun hanya inilah satu-satunya bank yang menghadapi masalah sebegini, sebagaimana yang diumumkan oleh pihak kerajaan tetapi bolehkah saya bertanya mengapa Sime Bank menghadapi masalah bad debt, dengan izin, ini dalam masa yang singkat dan secara tiba-tiba.

Tuan Yang di-Pertua, secara perbandingan sekiranya kerajaan memberi RM1.8 bilion kepada rakyat, kerajaan akan mewujudkan 18,000 orang jutawan di negara ini, begitulah seriusnya perkara ini jika difikirkan. Di samping itu demi meyakinkan rakyat bolehkah saya bertanya sama ada terdapat lain-lain bank yang menghadapi masalah yang sama.

Sehubungan dengan itu, saya berharap kerajaan akan mengawasi serta mengenakan syarat yang lebih ketat kepada bank ini dan tidak sewenang-wenangnya melakukan kesalahan dan menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca di dalam akhbar bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membeli sebahagian daripada saham Sime Bank yang mana saya tidaklah menentangannya. Walau bagaimanapun, saya harap kerajaan patut menjaga kepentingan wang rakyat dengan cara mendapatkan saham yang berpotensi baik untuk KWSP dan bukannya kepada bank yang mempunyai masalah bad debt, dengan izin, seperti Sime Bank dalam jangka panjang yang sudah pasti akan mencetuskan masalah kepada rakyat dari segi kadar faedah dan juga profit margin, dengan izin, kepada KWSP akan menurun. Buat masa kini kadar faedah bank adalah tinggi iaitu 10% sedangkan kadar faedah KWSP cuma 6.7% sahaja, adalah tidak wajar keadaan ini berlaku dan kesannya dirasai oleh rakyat yang membayar kepada tabung KWSP. Oleh yang demikian, saya berharap KWSP akan membeli saham yang baik dan tidak tersilap dengan langkah yang diambil dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana kerajaan begitu mengambil berat tentang aspek kesihatan rakyat dengan cara memastikan bahawa peruntukan yang sewajarnya disediakan untuk tujuan kesihatan, ini sebagai satu langkah yang baik terutamanya bagi membantu golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sepatutnya mengenakan undang-undang dan akta ketat kepada hospital-hospital swasta. Sekarang ini terdapat begitu banyak hospital swasta yang naik bagaikan cendawan tumbuh.

Memandangkan rakyat mempunyai banyak pilihan, rakyat menggunakan perkhidmatan hospital swasta, malangnya kadar bayaran yang dikenakan di hospital-hospital swasta adalah terlalu tinggi. Sebagai contoh, seorang pesakit yang tinggal satu malam di hospital swasta dikenakan bayaran RM300 dan kadar ini jauh lebih tinggi daripada kadar bayaran hotel lima bintang. Bagi pesakit yang dimasukkan ke wad Intensive Care Unit (ICU), dengan izin, untuk tempoh seminggu atau dua minggu, bayaran yang dikenakan melebihi RM10,000. Kadar bayaran ubat-ubatan di hospital swasta juga didapati tidak munasabah kerana ianya empat ke lima kali ganda kadar bayaran di farmasi biasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengapa pesakit di hospital swasta dipaksa membeli ubat di hospital berkenaan dan tidak boleh membeli ubat di mana-mana farmasi yang lain, sekurang-kurangnya pihak hospital boleh mengeluarkan senarai ubat yang perlu dibeli dan pesakit dibenarkan membeli di mana-mana farmasi yang diiktirafkan, tetapi keadaan ini tidak berlaku dan harga ubat di hospital swasta yang berkenaan pula terlalu tinggi untuk ditanggung oleh pesakit.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan akan mengenakan undang-undang dan akta yang berkenaan kepada hospital-hospital swasta agar

bayaran yang dikenakan tidak terlalu tinggi dan alternatif atau pilihan kepada pesakit untuk membeli ubat di tempat lain, selain daripada hospital berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang gangguan bekalan elektrik. Kebelakangan ini banyak berlaku bekalan elektrik diputuskan khasnya di Lembah Kinta dan Ipoh Garden, Menglembu dan Ipoh sendiri. Keadaan ini mendatangkan kesukaran kepada kilang-kilang dan bangunan-bangunan komersial yang lain. Bagi kilang-kilang, mereka tidak boleh memproses bahan mentah yang ada dan pada masa yang sama terpaksa membayar gaji pekerja. Begitu juga dengan bangunan-bangunan komersial yang lain, yang terpaksa menghadapi masalah dengan pelanggan-pelanggan.

Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengenai hal ini dan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan demi memastikan ianya tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Kementerian Kewangan mengenai pengurusan syarikat-syarikat kewangan atau bank serta kawalan dan syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat atau bank-bank yang memberi pinjaman wang kepada individu di bawah sesuatu skim.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa syarikat kewangan atau bank boleh menerima salinan fotostat kad pengenalan seseorang bagi meluluskan sesuatu pinjaman kenderaan ataupun perumahan dan seumpamanya. Keadaan ini boleh

menyebabkan seseorang yang tidak tahu-menahu mengenai sesuatu pinjaman itu teraniaya kerana kemungkinan kad pengenalan nya dicuri atau diambil tanpa pengetahuan beliau oleh satu-satu pihak yang ingin membuat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, sekiranya seseorang peminjam wang masih hidup dan diketahui alamatnya bolehkah syarikat kewangan atau bank mengenakan tindakan kepada penjamin? Lainlah keadaannya jika peminjam itu telah meninggal atau tidak dapat dikesan di mana dia berada. Sebagai contoh kisah benar di kawasan saya. Saya telah mendapat laporan bahawa sebuah syarikat kewangan iaitu Syarikat Kewangan Bersatu Berhad (KBB) dahulunya dikenali sebagai Kewangan Usaha Bersatu Berhad (KUBB) telah mengarahkan pihak Angkasa untuk memotong gaji seorang penjamin tanpa sebarang notis. Menurut penjamin, beliau hanya menerima notis daripada KBB yang menyatakan bahawa syarikat tersebut telah bertukar nama daripada KUBB kepada KBB pada 7 Oktober 1997. Selepas itu, penjamin ada menghantar sepucuk surat kepada KBB yang memberitahu bahawa peminjam wang akan bertukar dari perkhidmatan kerajaan sebuah syarikat swasta dan meminta sebarang urusan pinjaman tersebut diuruskan terus oleh pihak KBB dengan peminjam dialamat yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghairankan KBB mempunyai cawangan di Ipoh tetapi pihak ibu pejabat tidak berusaha mencari jalan agar pegawai yang bertugas di cawangan boleh berbincang serta memastikan bayaran dibuat oleh peminjam. Ibu pejabat KBB juga tidak mengeluarkan sebarang surat kepada peminjam dan memberi bantuan kepada beliau bagaimana hendak menjelaskan bayaran tersebut memandangkan potongan Angkasa tidak boleh dibuat ke atas syarikat swasta.

Saya berpandangan sekiranya penjamin telah memaklumkan syarikat berkenaan di mana untuk menghubungi peminjam, syarikat tersebut hendaklah

sedaya upaya menghubungi peminjam dan bukannya menyusahkan penjamin, lainlah keadaannya di mana peminjam itu tidak dapat dikesan atau beliau telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan apakah hak syarikat kewangan seperti itu memotong gaji penjamin tanpa notis dan mengapa mereka tidak mencari peminjam yang masih hidup dan diketahui di mana ia berada, sebaliknya mengenakan tindakan kepada penjamin yang dengan penuh tanggungjawab membantu KBB dengan memaklumkan di mana peminjam berada. Saya harap pihak Kementerian Kewangan dapat berbuat sesuatu mengenai perkara ini demi memastikan tiada golongan yang teraniaya disebabkan kesalahan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pekerja-pekerja asing, saya berpendapat rakyat Malaysia juga tidak seharusnya bergantung penuh kepada pekerja-pekerja asing. Sekarang ini setiap tahun negara kita kehilangan RM100 bilion kerana rakyat asing membawa balik wang kita ke negara mereka. Dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini, syarikat harus menghentikan pengambilan pekerja-pekerja asing dan biarlah mereka balik ke negara mereka sendiri, kehadiran rakyat asing yang terlalu ramai di negara ini juga menimbulkan masalah rompak dan seumpamanya sehingga menimbulkan kesan sosial yang mendalam terhadap rakyat negara kita. Jika dilihat secara perbandingan kini terdapat seramai lebih kurang 20 juta rakyat Malaysia dan dua juta rakyat asing. Jumlah ini adalah terlalu ramai dan negara akan menghadapi masalah sekiranya berlaku rusuhan kerana ia akan melibatkan soal keselamatan rakyat negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu sesetengah syarikat menggunakan isu kegawatan ekonomi untuk menamatkan perkhidmatan pekerjajanya tanpa notis dalam masa 24 jam. Mereka juga tidak memberikan pampasan atas

tindakan tersebut. Mereka menamatkan perkhidmatan pekerja-pekerja, berpengalaman dan mengambil pekerja-pekerja baru untuk menjimatkan kos dari segi pembayaran gaji. Sesetengah syarikat pula mengimport pekerja asing untuk menggantikan pekerja tempatan. Keadaan ini juga akan menjejaskan keselamatan dan kestabilan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya harap kerajaan akan menyemak semula keadaan negara kita. Tanah di negara kita begitu subur, mengapa harus kita mengimport sayur-sayuran dan buah-buahan dari luar negeri. Kementerian Pertanian seharusnya duduk berbincang dengan pihak kerajaan negeri untuk meningkatkan tanaman jagung, padi, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman serta memberi pendedahan kepada masyarakat kita mengenai cara tanaman begitu selain daripada menggunakannya sebagai sumber makanan untuk masyarakat tempatan. Negara kita juga mungkin boleh mengeksport tanaman-tanaman tersebut ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya baca di dalam akhbar tentang seorang lelaki yang sanggup menawarkan tanah terbiar miliknya untuk diusahakan pada kadar satu sen setahun. Jika seorang individu boleh melakukannya, mengapa tidak kerajaan negeri. Itu pun ramai yang meneroka tanah kerajaan negeri secara haram untuk pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan Pusat akan mengenal pasti lebih banyak kawasan untuk skim rumah kos rendah. Dalam keadaan ekonomi

negara pada masa ini, keupayaan membeli telah jatuh dan dengan sebab itu saya fikir keupayaan rakyat untuk membeli rumah juga telah menurun. Kerajaan boleh membantu rakyat dari segi memperbanyakkan lagi skim rumah murah dan rakyat pula perlu berusaha lebih dalam membantu kerajaan menangani masalah kegawatan ekonomi negara sebagaimana falsafah Cina berkata [*dalam bahasa Cina*] yang bermaksud, “petani ada tanah untuk bertanam padi dan mendapat rezeki, setiap orang juga ada rumah untuk berlindung”. Dalam erti kata lain setiap orang tidak perlu meminta tolong atau mengharapkan mana-mana pihak atau tidak perlu untuk bekerja dengan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Batang Lupar.

**4.18 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Terima Kasih atas Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak saya sendiri dan masyarakat di kawasan saya Batang Lupar ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bersempena dengan pembukaan Persidangan Parlimen Penggal Keempat Parlimen Kesembilan.

Dengan itu izinkan saya menyentuh beberapa perkara sama ada secara langsung ataupun tidak langsung berbangkit dari Titah Ucapan tersebut. Walau bagaimanapun izinkanlah saya juga membuat satu penjelasan atas perkara tertentu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bintulu dan tuduhan E-mel yang dibaca Ketua Pembangkang pada petang 27.3.98 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara - kebakaran dan jerebu berlaku di Sarawak. Saya tidak mencaci atau mengata apa-apa kepada Yang Berhormat dari Bintulu berhubung dengan Usul yang telah dibawa oleh beliau dan yang sewajarnya telah ditolak oleh Dewan yang mulia ini pada 26.3.98. Kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana telah menolak usul yang salah sasaran. Kepada Yang Berhormat dari Bintulu, fahamilah bidang kuasa Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dan ambillah tindakan yang sewajarnya.....

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun ini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Belum habis saya bercakap ini, bernafas pun belum habis. Tunggu, nanti beri laluan.

Yang kedua, sebelum membuat apa-apa tindakan, saya cadangkan agar Yang Berhormat bertanya dahulu kepada pihak yang berkuasa berkenaan berhubung dengan tindakan-tindakan yang telah dan bakal dibuat/diambil

sebelum membuat apa-apa tuduhan dan menggempur-gemparkan sesuatu isu kerana saya juga terasa bimbang, takutkan masa depan politik Yang Berhormat untuk menjadi Setiausaha Agung DAP terjejas. Saya peka dengan kepentingan Yang Berhormat .....

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Isu mengenai kekurangan air di Bintulu bukan satu isu tempatan kerana ia berkaitan dengan loji-loji MLNG, itu yang penting kerana kalau mereka - loji-loji MLNG dan ABF tidak ada air untuk menjalankan loji-loji mereka, ertinya interest Kerajaan Persekutuan - akan hilang beberapa puluh juta satu hari. Itu yang penting. Oleh sebab itu, isu itu walaupun ada berkaitan dengan orang Bintulu tetapi yang penting juga ialah berkaitan dengan loji MLNG dan ABF dan satu interest yang begitu penting untuk negara sekarang, khususnya kita sekarang menghadapi kegawatan ekonomi di negara kita. Itulah, saya bawakan isu besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat , apa soalnya Yang Berhormat ?

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Adakah benar MLNG dan ABF dan loji-loji lain adalah interest Persekutuan dan bukan sahaja interest ataupun hal tempatan sahaja?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuan Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat . Kalau Yang Berhormat tunggu saya dalam masa lima minit lagi mungkin ada jawapan soalan-soalan yang dibangkitkan.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, inginlah saya membuat sedikit penjelasan ke atas beberapa perkara bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan pihak berkuasa tempatan di Sarawak. Utara Sarawak iaitu Miri, Bintulu, Limbang adalah di bawah bidang kuasa Liku Management Sdn. Bhd. Badan ini adalah di bawah kawal selia Jabatan Kerja Raya negeri. Bandar Miri mendapat bekalan air daripada loji penapis di Lambir. Loji ini pula mendapat bekalan air daripada Sungai Liku. Kemampuan loji sekarang dalam keadaan biasa iaitu 12 juta gelen sehari (MGD). Pembekalan air di Sungai Liku dalam keadaan biasa ialah 14 juta gelen sehari. Oleh kerana kemarau yang panjang di Sungai Liku ianya hanya boleh membekalkan 4 juta gelen sehari. Sekarang loji penapisan Lambir mendapat air dari Sungai Liku, mendapat tambahan daripada 12 telaga bawah tanah (underground well) berjumlah 4.8 juta gelen sehari, ditambah pula dengan downstream water back wash sebanyak 0.5 juta gelen sehari, jumlah air setiap hari ialah sebanyak 9.5 juta gelen.

Sebagai langkah berjaga-jaga Penguatkuasa Air Liku hanya membenarkan penapisan dan pembekalan sebahagian sahaja jumlah takungan 9.5 juta untuk disalurkan kepada pengguna di Miri. Ini kerana kemarau, ini mungkin berterusan hingga bulan April 1998. Kekurangan bekalan air ini telah memaksa kerajaan mengarahkan tindakan pencatuan (rationing) mengikut masa-masa yang tertentu sahaja. Penghantaran air ke kampung-kampung di tempat yang tidak mempunyai saluran paip adalah dibuat menggunakan lori dan water tanker.

Pada masa sekarang Liku Water Authority dan Jabatan Kerja Raya menggunakan 20 tanker dan lori menghantar ke kampung-kampung di luar kawasan Miri. Sekarang di Liku terjumpa lagi enam telaga bawah tanah yang baru boleh membekal air tambahan sebanyak 2.5 ke 3 juta gelen sehari. Kerja-kerja pembinaan masih dirancang dan akan dilaksanakan mungkin bulan hadapan.

Langkah jangka panjang Liku ialah untuk membuat terusan (canal) dari Sungai Bakong ke Sungai Liku. Kerja-kerja pembinaan terusan akan bermula pada proses perancangan siap dan air dijangka boleh mengalir ke pam Lambir pada tahun 2000. Sebagai langkah besar-besaran sementara, kerajaan juga akan memasang paip 300 mm hdpe sepanjang 13 ke 14 meter dari Sungai Bakong ke Sungai Liku. Kerja-kerja pembinaan ini dijangka akan siap dalam masa 2 ke 3 bulan. Apabila terusan air dari Bakong ke Liku ini siap pada tahun 2000 nanti, masalah air di Miri akan dapat diatasi sepenuhnya.

Semua pengendalian dan operasi dikawal selia oleh Yang Berhormat Datuk George Chan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak sendiri dan dibantu oleh Yang Berhormat Peter Chin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Pusat, Ahli Parlimen Baram, Yang Berhormat Lee Kim Soon ADUN negeri Sarawak dan pelbagai lagi wakil-wakil rakyat Barisan Nasional negeri Sarawak.

Semasa mereka bertungkus lumus mengarah orang untuk memberi bantuan, adakah Yang Berhormat ada menawar pertolongan? Kalau ada pun, DAP mesti sedia dengan jurukamera dan reporter sekali - atas nama publisiti dan political mileage sahaja. Tunjukkanlah keikhlasan Yang Berhormat, wakil rakyat Barisan Nasional yang berada di kawasan, yang menghadapi masalah sekarang termasuk Yang Berhormat Awang Tengah Ali Hassan, Menteri Muda Sarawak Yang Berhormat Aiden Weng, bukti membuat penilaian bantuan penyelarasan operasi di sana dengan sendirinya. Pengorbanan secara terus dan peribadi dibuat mereka di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Sekarang saya akan menjelaskan keadaan di Bintulu. Dalam keadaan biasa, Bintulu Water Supply boleh membekal sebanyak 77 juta gelen air sehari untuk kegunaan domestik dan industri. Air ini diproses di loji takungan Sikar sebagaimana Yang Berhormat sendiri tahulah, yang mempunyai kemampuan 3.5 bilion gelen sehari. Sumber air didapati di Sungai Sibiu yang keupayaan memberi 1,000 juta liter sehari tetapi oleh kerana kemarau panjang yang

berlaku, Sungai Sibiu hanya boleh membekalkan 30 juta liter sehari sahaja pada masa sekarang. Dalam keadaan kemarau panjang sekarang, pencatuan telah dibuat di seluruh Bintulu semenjak 21.2.98. Walaupun demikian, air takungan Sikar pada 14.3.98 telah meningkat ke paras 21.6 meter - kebiasaannya ialah 22.9 meter semasa penuh.

Yang Berhormat patut ingat apabila Takungan Sikar dibuat beberapa tahun dahulu, orang Bintulu pernah mengatakan walau setahun kemarau sekali pun, telaga air Sikar tidak akan kehabisan. Tetapi malangnya, pada masa sekarang apabila kemarau panjang berlaku.....

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ,  
Bintulu bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Rizab yang ada pada air Bintulu sekarang hanya boleh diguna dalam masa 28 hari sahaja, Yang Berhormat .

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Penjelasan. Bukankah water source ini, dengan izin, sekarang, yang sepatutnya membekalkan air kepada empangan Bintulu Water Supply, oleh kerana melakukan banyak aktiviti dalam water catchment area ini seperti menebang kayu dan juga ada satu industrial park akan dibina di sana. Mengapakah aktiviti ini berlaku di sana dan

mengakibatkan sekarang kekurangan air di dalam water catchment area ini untuk dibekalkan kepada empangan Bintulu Water Supply?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat kalau pandang dan baca dari akhbar dari mana-mana tempat lain di Semenanjung Malaysia, di Sarawak macam di Miri, Limbang dan di Bintulu, umpamanya, di mana-mana sahaja. Apabila kemarau panjang ini telah berlaku semenjak bulan Dua Belas tahun 97, banyak sungai yang dikatakan boleh membekal sampai rizab satu tahun walaupun kemarau setahun sekali pun telah kekurangan air. Kita bukan hanya menyalahkan keadaan cuaca yang disebabkan oleh El-Nino tetapi hakikat ini mestilah kita terima.

Saya percaya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang berlaku. Penebangan kayu di kawasan-kawasan yang tertentu. Mungkin juga boleh menjejaskan pembekalan air ke Sungai Sibiu tetapi sebaliknya pula dalam penyelidikan awal dahulu, dalam keadaan yang sama sekarang pun Sungai Sibiu boleh membekalkan air 100 juta gelen sehari tetapi oleh kerana kemarau panjang ini dan kepanasannya kuat sangat, jadi Sungai Sibiu itu yang dipercayai boleh membekal rizab 6 bulan sekurang-kurangnya pun tidak boleh berkemampuan membekalkan air sebanyak itu, Yang Berhormat. Jadi, inilah kenapa pihak kerajaan negeri membuat tindakan yang berterusan yang saya akan sebutkan nanti. Yang Berhormat dengar dahulu ya.

Langkah berterusan dan sementara. Kilang-kilang perkayuan di seluruh Bintulu telah diminta untuk mencari pembekalan air mereka sendiri. Itu yang pertama, yang kedua ASEAN Fertiliser.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit tentang ucapan Yang Berhormat dari Batang Lupar ini - tentang masalah air ini macam - pertama saya minta pandangan adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pandangan Yang Berhormat mengenai permasalahan air ini bukan tertumpu di Sarawak sahaja - kepada negara seluruhnya di Kuala Lumpur. Rumah saya sendiri sudah dua minggu tidak ada air, sebagai contoh. Yang kedua ini, agenda di sebelah sana itu [*Pembangking*] Ini macam perbahasan di Dewan Undangan Negeri Sarawak, adakah yang sebelah sana boleh tunggu berbincang di luar Dewan lebih baik.

**Seorang Ahli:** Sabah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sabah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

*mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat dari Rompin. Memang betul, itulah saya sebutkan tadi. Masalah air pada masa sekarang memang berbangkit di mana-mana kerana di luar jangkaan kerajaan, di luar jangkaan orang yang menasihat kerajaan yang El-

Nino pada tahun 1997/1998 ini lebih teruk daripada apa yang pernah dilihat pada tahun-tahun yang lepas atau pada tahun-tahun sebelumnya.

Jadi, itulah mengapa Sungai Liku yang dianggap cukup menghantar air untuk sendiri tidak cukup dan air untuk Sungai Sibiu yang dianggap begitu besar sekali, bahkan orang Bintulu itu sendiri pada satu ketika dahulu mengatakan kerajaan membuang duit membina satu takungan air yang begitu besar, yang mana keperluannya tidak ada tetapi kerajaan going ahead juga membuatkan takungan itu oleh kerana keperluan industri-industri yang dibina di seluruh Bintulu dan saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat dari Rompin yang mengatakan bukan di Bintulu dan Miri sahaja yang terlibat dengan kekurangan air tetapi juga di tempat-tempat lain di Semenanjung Malaysia, di luar jangkaan yang mana air ini menurun sampai ke 80 peratus di takungan-takungan yang tertentu di tempat mereka menakung/menadah air untuk ditapis dan disalur kepada penggunaan masyarakat di Malaysia ini.

Jadi Yang Berhormat, saya berharap boleh melanjutkan penjelasan saya - dan Asean Bintulu Fertiliser (ABF) dan MLNG juga supaya mencari sumber air untuk kegunaan di kilang mereka. Walaupun air bersih untuk domestik pekerja-pekerja mereka masih diberi oleh pihak berkuasa air Bintulu dan mereka ini terutama sekali ABF dan MLNG ini telah bekerja bertungkus lumus juga mencari cara untuk mengatasi masalah penggunaan air di kilang-kilang mereka sendiri. Oleh kerana penggunaan di kilang itu begitu besar sekali, jauh

lebih besar penggunaan air di Bintulu itu dibandingkan dengan penggunaan air di seluruh Miri walaupun Miri itu jauh lebih besar daripada Bintulu, Yang Berhormat .

Program jangka panjang kerajaan, dengan Yang Berhormat ya - ialah untuk menyalurkan air daripada Sungai Labang, Yang Berhormat tahu ini, 37 kilometer dari Sibiu. Sejauh 37 kilometer dari Sungai Sibiu yang menurunkan multipurpose pumping. Keperluan 55 ke 60 juta liter sehari dan penyaluran air sebanyak ini sehari memerlukan buluh paip yang besar, booster dan berkuasa tinggi, dua line paip sebesar 450 mm mungkin dijangka perlu. Jumlah jangkakan peruntukan kewangan diperlu untuk membina paip, booster dan kuasa ini ialah RM44 juta.

Jadi, pada masa sekarang kerajaan telah menilai sama ada menggunakan penyaluran air dari Sungai Labang ini untuk disalurkan ke Sungai Sibiu dan seterusnya ke takungan Sikar untuk kegunaan industri dan domestik di Bintulu. Jadi, kerajaan telah membuat peruntukan juga untuk penyelenggaraan projek-projek supaya Bintulu tidak mengalami masalah air lagi di masa akan datang.

Pada masa sekarang kerajaan negeri masih menilai yang mana satu sesuai untuk menyalurkan paip ini sama ada menggunakan Jalan Bakun iaitu sepanjang 53 kilometer ataupun menggunakan rentasan hutan untuk menyalurkan paip ini. Jadi, walau bagaimanapun kalau menggunakan Jalan

Bakun, kosnya ialah RM44 juta, kalau masuk hutan mungkin RM40 juta tetapi selain daripada itu ialah kepantasan melaksanakan projek mesti juga dinilai oleh pihak kerajaan yang mana satu cepat itulah yang akan digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyalurkan air ke telaga Sikar di Bintulu agar Bintulu tidak kekurangan air. Sebab-sebabnya Yang Berhormat sendiri memang faham domestik kemungkinan bukan priority utama kepada water authority di Bintulu oleh kerana pada masa sekarang Yang Berhormat sedar iaitu, pencatuan air ke Bintulu sekarang daripada pukul 5.00 sampai pukul 7.00 pagi untuk domestik dan 8.00 hingga 1.00 malam untuk komersial dan pihak industri diberi air sepenuhnya - sepenuh hari oleh kerana kita tidak menjejaskan soal ekonomi dalam masa keadaan sekarang.

Jadi, walau bagaimanapun Yang Berhormat, soalan pembenihan awan. Oleh kerana keadaan yang begitu kering kontang dan tidak ada hujan langsung di Miri dan Bintulu pada masa sekarang yang mana merekodkan penurunan hujan kurang daripada 1 peratus yang hanya mungkin berlaku di pesisiran Sahara sahaja Yang Berhormat, bukan di negeri Sarawak yang dikatakan negeri tropika yang banyak hujan tetapi walau bagaimanapun kerajaan telah membuat - selama 50 hari membuat seeding - hanya 15 hari yang berjaya kerana tidak ada awan hendak dibenihkan. Kalau dihambur pembenihan awan itu, kalau awan itu tidak ada, pun tidak menjadi hasil tetapi walau bagaimana pun, pada 26.3.98, kalau Yang Berhormat ada di Bintulu di antara jam 2.00

pagi ada hujan sedikit di catchment area di Bintulu - ini telah meningkatkan sedikit bekalan air di Telaga Sikar dengan harapan banyak lagi hujan turun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain pun - kebakaran di kawasan Miri. Sebagai langkah tetap negeri Sarawak telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Alam Negeri (peringkat negeri dan bahagian). Peringkat negeri diketuai oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang sekarang disandang oleh Yang Berhormat Datuk George Chan, di peringkat bahagian, pengerusi oleh Tuan Presiden masing-masing, jawatankuasa pusat negeri telah membuat garis panduan dan tindakan apabila jerebu atau apa-apa bencana lain melanda. Maknanya tidak payah declare darurat lagi. Setiap masa matahari kita nampak merah atau apa-apa berlaku ditempat-tempat tersebut ataupun di negeri Sarawak.

Untuk surat E-mel daripada Ketua Pembangkang itu, saya tidak setujuah tiap-tiap kali kita ada jerebu sedikit, nampak matahari merah kita terus declare darurat kerana kita kena kenal apa erti darurat. Darurat, kalau declare maknanya Perlembagaan suspended, suspend Perlembagaan kita dan ini bermakna kuasa eksekutif akan dilaksanakan dan ini mungkin Yang Berhormat sendiri tidak mahu berlaku.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Jerebu telah pun melanda Miri dua bulan. Dalam dua bulan ini tidak ada apa-apa tindakan dan bacaan IPU pun telah sampai 400, 500 dan begitu tinggi untuk dua bulan

dan tidak ada apa-apa tindakan yang hebat ataupun secara besar-besaran untuk memadamkan api yang ada di Miri sana mengakibatkan jerebu dalam dua bulan dengan IPU 400 dan murid-murid yang pergi sekolah mereka begitu susah bernafas dan apakah tindakan dan kalau tidak ada tindakan dan pun tidak ada darurat yang dibuat oleh kerajaan, apakah kita mahu orang di Miri buat kalau begitu?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, sebenarnya saya buat pembetulan. Bukan tidak ada buat apa-apa, tidak ada publisiti di atas perbuatan mereka. Itu sahaja. Kalau Yang Berhormat buat mesti ada cameraman ikut sama sebab ada keluar dalam surat khabar. Yang ini dia buat dalam hutan, dia tidak buat publisiti, dia buat kerja sahaja.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu dulu, saya belum habis lagi, duduk. Nanti saya beri. Saya telah dimaklumkan tidak ada kebakaran hutan, ladang berlaku lagi di Miri dan kawasan berhampiran secara besar-besaran sekarang, Yang Berhormat. Pemadaman api telah dibuat oleh kerajaan di antara Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Pusat dan masyarakat tempatan. Sekarang ada 60 anggota Bomba Sarawak di dalam hutan dan 420 orang ahli Bomba dari Semenanjung ini telah berada di dalam hutan. Dia tidak turun di Lapangan Terbang Miri dan Bintulu, dia tidak tunjuk sendiri. Kalau

hendak ambil publisiti boleh ambil gambar berbaris besar-besaran di bandar tetapi dia terus pergi ke dalam hutan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Belum habis lagi, minta maaf Yang Berhormat ya - dan ditolong pula oleh beratus-ratus sukarelawan tempatan terutama sekali ahli-ahli parti Barisan Nasional sekarang berada di Panambang, Miri, Marudi, Sebuti, Niah dan Bintulu di mana kebakaran dikenal pasti. Masyarakat di kampung rumah panjang setempat yang tidak secara langsung menolong memadamkan api telah menyediakan makanan dan minuman kepada pegawai dan anggota Bomba yang berada di dalam hutan sekarang memadamkan kebakaran di ladang-ladang dan sebagainya. Jadi, dalam masa itu juga penguatkuasaan, pada masa sekarang ada 30 individu di bawa ke mahkamah dan dua syarikat ladang besar juga telah dibawa ke mahkamah dan dihukum.

Jabatan Kerajaan yang terlibat seperti RTM selain daripada Jabatan Bomba, selain daripada jawatankuasa yang saya sebutkan tadi ialah RTM, Kementerian Penerangan, Jabatan Kesihatan. Jabatan Penerangan ini menerusi radio mengeluarkan maklumat-maklumat hal kebakaran dan memberi amaran kepada masyarakat di luar bandar supaya tidak bermain api, bukan membakar

secara sengaja. Kadang-kadang keadaan ini begitu kering sekali, sedikit sahaja pun boleh menjadi punca kebakaran. Jadi, pihak Kementerian Kesihatan iaitu hospital menghantarkan anggota-anggota mereka ke pedalaman Sarawak untuk melihat dengan sendiri supaya tidak ada penyakit berjangkit berlaku di tempat-tempat kebakaran. Jadi, pada masa sekarang tidak ada lagi kebakaran yang berlaku hanya tinggal yang pendam, mungkin 10, 15 kaki ke bawah tanah yang belum lagi dapat dipadamkan oleh kerana kekurangan air. Hujan lebat belum turun.

Sekolah telah diberi arahan untuk bebas menilai keadaan agar membuat masa sekolah fleksibel. Ada sekolah yang bermula belajar pada masa sekarang pada pukul 8.00, ada pukul 9.00 - melihat keadaan oleh kerana pandangan kerajaan ialah jerebu berlaku di kawasan utara Sarawak dan Brunei, umpamanya, hanya tebal pada waktu pagi. Jadi, pihak sekolah telah diberi arahan supaya menilai sendiri dan membuatkan kefleksibelan untuk anak-anak murid turun ke sekolah - pukul 8.00, pukul 9.00 ataupun pukul 10.00 pagi dan terus sampai kepetang.

Dalam keadaan ini, Yang Berhormat, itulah yang saya sedih sekali, tidak ada seorang pun orang dari parti pembangkang - DAP tidak ada datang. Cakap sahajalah besar-besaran, tidak ada. Cakap memang senang Yang Berhormat, cakap memang senang tetapi jikalau hendak membuat kerja dalam hutan, memadam api dalam itu, Yang Berhormat, setengah jam pun tidak boleh tahan,

mesti ada keberanian dan kecekalan. Tetapi yang mana kita cakap Parlimen ini janganlah buat macam itu, cakap sahaja buat cerita-cerita yang jahat tetapi kerja orang buat di dalam hutan itu kita tidak pandang. Jadi, saya berharap bila balik daripada Parlimen nanti, carilah Dato' George Chan, bertanya dengan dia dan macam mana Yang Berhormat boleh tolong masyarakat yang memadam api di pedalaman - Sebuti, Niah, Bintulu, Miri Marudi dan sebagainya, Yang Berhormat .

Tuan Yang di-Pertua, berpindah saya daripada soalan jerebu dan pembakaran di Sarawak. Ingin saya membangkit perkara-perkara yang berbangkit di dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Masalah ekonomi yang disebutkan oleh semua Ahli Parlimen ini, saya juga ingin menyebut sedikit yang dihadapi negara kita sekarang ini belum pernah dilihat dan dialami oleh mana-mana orang di negara ini. Semua yang berlaku adalah di luar dugaan dan amalan. Tidak sampai 12 bulan lepas kita semua pernah membaca beberapa buku dan tulisan daripada beberapa pakar ekonomi termasuk mereka yang boleh dikatakan economic guru - futurologist. Rata-rata mereka telah menentukan yang dekad akhir milenium ke-20 dan dekad awal milenium ke-21 adalah milenium Asian Dragon, dengan izin.

Dekad ini telah didahului oleh pembangunan yang amat pesat dan jarang dilihat di mana-mana, bahkan pembangunan negara Amerika Selatan pada akhir 50-an dan 60-an pun, tidak boleh menandinginya tetapi malang sekali

pembangunan dan kemajuan ekonomi Asia Dragon ini telah juga jatuh, sebagaimana jatuhnya ekonomi Mexico, Argentina pada pertengahan tahun 60an. Di antara sebab kejatuhan ekonomi Mexico dan Argentina pada tahun 60an ialah kekurangan kawalan ke atas pelaburan dari luar negara. Tidak wujud ekuiti usahawan tempatan dalam mana-mana syarikat gergasi yang melabur di negara tersebut. Tidak ada kawalan keuntungan ke atas pengambilan repatriation wang dalam bentuk royalti dan dividen ke negara asal. Kurangnya reinvestment programme ke atas profit yang didapati oleh syarikat-syarikat melabur di negara tersebut. Profit yang diperolehi secara bulat-bulat dihantar balik atau dilabur ke tempat lain. Sebaliknya negara-negara Amerika Selatan tersebut telah memberi persediaan infrastruktur pelaburan, insentif kewangan dan cukai, tanah tapak, anggota pekerja yang rendah dengan tidak ada pulangan secara langsung kepada negara dan masyarakat setempat. Apa yang mereka dapat ialah pekerja-pekerja dengan gaji yang rendah dan suasana kerja yang tidak memuaskan, bahkan ada segelintir pelabur tersebut secara sukarela telah menggulung tikar operasi mereka apabila tempoh status printis mereka tamat.

Ini bermakna pelabur gergasi yang datang itu hanya datang untuk menghakis kekayaan tanpa menghirau dengan untung nasib masyarakat setempat dan bumi di mana mereka meraih keuntungan sepuluh kali ganda. Saya pernah menyuarakan kebimbangan saya terhadap perkara ini pada tahun 1995 dan 1996 di Dewan yang mulia ini kerana saya bimbang apa yang kita

lihat berlaku di dunia Amerika Selatan kemungkinan berlaku di negara kita dan di dalam konteks kesilapan yang berlaku di negara tersebut. Saya juga pernah mencadangkan agar kerajaan memastikan agar ekonomi kita tidak terganggu dan terancam sebagaimana yang berlaku di Amerika Selatan pada tahun 50an dan 60an.

Setelah melihat apa yang berlaku di rantau ini sekarang, nyata sekali kebimbangan saya nampak tersalah tempat tetapi walaupun demikian, satu kenyataan mestilah diterima. Gegaran ekonomi telah berlaku walaupun disebabkan faktor-faktor lain. Dari sudut itu ternyata nampak kebenaran hujah-hujan Yang Berhormat dari Tambun berhubung dengan gejala pusingan ekonomi sepuluh tahun sekali menunjuk belangnya. Berhadapan dengan kegawatan ekonomi sekarang, kerajaan telah mengambil langkah yang sesuai dan bijak untuk menanganinya. Selepas sesi Belanjawan Negara bulan Oktober, 1997 yang lepas, beberapa langkah berjimat-cermat telah dibuat. Baru-baru ini satu lagi pengurangan perbelanjaan sebanyak 18 peratus telah diumumkan.

Walaupun kegawatan ekonomi bukanlah over spending atau mismanagement kewangan kerajaan, sebaliknya pula kerajaan masih cuba tidak menjejaskan peruntukan untuk menolong dan membantu golongan yang miskin dan kebelakangan di sektor yang produktif. Saya menyokong penuh tindakan kerajaan ini.

Dengan itu saya merayu pihak institusi kewangan, syarikat-syarikat swasta dan masyarakat umum Malaysia akan menyokong penuh tindakan kerajaan dan selanjutnya mengambil tindakan wajar atas segala saranan kerajaan kerana kita tidak sepatutnya menyerah bulat-bulat tugas dan tanggungjawab ini kepada kerajaan. Kita semestinya bekerjasama dan patuh atas saranan kerajaan untuk menangani kegawatan ekonomi sekarang. Kita, sebagai masyarakat yang cintakan negara ini tidak sekali-kali boleh cuai dan alpa dalam menangani ekonomi negara kerana sepuluh tahun senang itu mungkin akan diekori oleh ketika yang susah, sepuluh tahun kekayaan itu boleh dilenyap dalam sebulan masa kesusahan berikutnya.

Dengan itu saya menyeru agar kita melihat di mana salah dan silap kita selama sepuluh tahun yang senang itu. Kita tidak berupaya mengelak cabaran ekonomi dunia global dan karenah meraka yang berkecimpung mencari peluang dan ruang di dalamnya. Ini termasuk currency traders, speculator, manipulator dan apa juga kebebasan peniaga mencari untung atas dasar liberalisasi perdagangan dunia ini. Walau pun kita tidak menyukainya tetapi masyarakat dunia tidak bersama kita sepenuhnya untuk mengharam, menyekat dan membendung perniagaan yang sedemikian. Justeru itu, pihak peniaga yang belum lagi menjawab seruan, saranan kerajaan untuk bergabung mestilah segera mencari rakan sebelum saranan menjadi arahan. Ini adalah untuk

kebaikan mereka sendiri sebelum syarikat asing masuk dan mengambil alih syarikat mereka.

Penabungan negara mestilah dipertingkatkan untuk menaikkan rizab negara. Tindakan yang diambil di masa kemelesetan ini mesti diteruskan. Dari itu saya mencadangkan beberapa langkah yang positif untuk meningkat penabungan ini bersama rakyat. Mereka yang mempunyai simpanan di luar negara sepatutnya digalakkan membawa balik sumber kewangan mereka. Kerajaan pula sepatutnya memberi laluan dan insentif cukai yang sewajarnya. Dalam masa yang sama kita mesti juga berjaga-jaga agar negara kita tidak menjadi 'pencuci wang' (money laundering) haram dan pendapatan yang bersalahan dengan undang-undang negara dan antarabangsa di bawa ke negara ini sewenang-wenangnya.

Yang kedua, seruan kerajaan untuk pihak wanita negara ini agar menjual atau menyerahkan barang kemas mereka untuk dijual mestilah diteruskan. Saranan saya ialah supaya pihak isteri-isteri menteri dan orang-orang kenamaan lain mengorak langkah dahulu agar menjadi teladan kepada rakyat yang lain. Mereka yang selalu keluar di dalam majalah dan surat khabar sebagai big standard, dengan izin, di dalam dan di luar negeri mestilah dijemput berkorban supaya menabung dan berbelanja di dalam negeri. Tidak payahlah berbangga sangat dengan shopping di Park Lin, di Bonn Street, di Harrod, London atau di 5<sup>th</sup> Avenue, New York.

Yang ketiga saya juga mencadangkan agar satu pergerakan besar-besaran untuk membuat pergerakan penabungan kebangsaan.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Tuaran bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu, saya belum habis percakapan ini, belum habis cakap. Tunggu sedikit sahaja, beri peluang satu - yang saya percaya tidak akan mendatang masalah kepada sesiapa sahaja melabur. Caranya ialah meminta setiap warganegara Malaysia dan masyarakat asing yang bermastautin di negara ini membuat simpanan sebanyak RM1 sehari sebagai asas penabungan. Sliding scale boleh juga diguna atas pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai eksklusif pekerja-pekerja syarikat. Jikalau dalam keadaan yang demikian, 50 peratus rakyat Malaysia mengikut rancangan ini dengan memenuhi penabungan asas RM1 seorang sahaja, dalam setahun kita boleh mempunyai rizab sebanyak RM3.6 bilion. Walau pun seorang hanya menabung sebanyak RM360 setahun bagaimana pula kedudukan rizab ini jikalau pegawai kerajaan, eksklusif dan pekerja kanan syarikat menabung secara 'sliding scale', saya cukup yakin kita boleh mendapat tabungan sebanyak RM5 bilion setahun dengan mudah. Wang ini tidak boleh diambil hingga setahun atau kegawatan ekonomi sudah selesai. Kalau skim ini dibuat memotong gaji pegawai dan syarikat-syarikat secara wajib tidak perlu

dilaksanakan dan pembayaran bonus juga tidak perlu ditangguhkan. Yang Berhormat, hendak tanya?

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih Batang Lular, tadi Yang Berhormat sentuh tentang membeli-belah yang mewah seperti di Harrods. Saya ingin tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pemilik Harrods Shopping Centre dijemput untuk menubuhkan cawangan di Malaysia kerana kalaulah tidak ada orang yang membeli-belah, apakah erti pelaburannya itu di Malaysia, Yang Berhormat ?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Itulah dasar orang tidak dengar betul-betul. Saya cakap Harrods London tadi, saya punya note pun tunjuk Harrods London, 5<sup>th</sup> Avenue New York. Jadi, kalau Harrods dibuat di Kuala Lumpur, kita belilah, apa salah. Jadi, Yang Berhormat dengar betul-betul sebelum tanya.

Saya juga menyarankan langkah berhati-hati seperti berikut, seterusnya. pinjaman daripada peniaga untuk melaksanakan projek-projek yang tidak produktif sama ada sumber kewangan dari dalam ataupun luar negara mestilah dikawal sepenuhnya agar jangan menjadi bebanan kepada negara. Projek-projek yang dianggap tidak produktif selain daripada pembangunan rumah kos rendah hendaklah digantungkan pelaksanaannya. Pihak kerajaan dan institusi ekonomi mestilah berhati-hati jangan terlibat dalam bad borrowers dan bad debtors di samping memberi keflexibelan kepada pengusaha yang genuine

agar jangan diperkatakan sistem perbankan kita ini tidak berperasaan - memberi 'payung' apabila panas dan mengambil balik 'payung' tersebut di masa hujan. Portfolio pinjaman kepada sektor yang bukan berkeutamaan jangan diberi kefleksibelan. Apa yang berlaku dengan institusi kewangan Thailand, Indonesia termasuk Sime Bank Malaysia dan pemaju-pemaju hartanah di Bangkok mestilah diambil sebagai iktibar.

Yang kedua, perniagaan serantau mestilah diperingkatkan agar tidak bergantung sangat kepada pasaran Amerika dan Eropah. Pasaran barangan buatan tempatan di dalam negara mestilah dipertingkatkan. Syaratnya mutu dan kekinian modelnya mestilah sama dengan barang-barang dibuat untuk eksport. Pelancongan dalaman mestilah digalak dan diberi insentif sesuai. Promosi insentif ini hendaklah diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, latihan kepada lepasan sekolah dan universiti mestilah menjadi agenda utama negara agar boleh menjadi guna tenaga negara yang terperinci, tidak terpacir dan berguna kepada pembangunan ilmu, industri dan ekonomi negara ini, sekali gus tidak boleh membendung keciciran tukaran asing dan pengaliran wang dari negara ini ke negara asing. Pembangunan industri perkhidmatan mestilah dipertingkatkan termasuk pembesaran dana syarikat insurans, bank-bank dan institusi kewangan. Buat sementara itu dalam masa kita masih membesar dan memperkemaskinikan kemampuan dan kemahiran kita di bidang industri perkhidmatan terutama sekali profesional.

Kemasukan peguam, arkitek, jurutera ataupun mana bidang industri perkhidmatan lain kita masih boleh melaksana, mengurus sendiri mestilah disekatkan. Sekatan termasuk mensyaratkan di dalam mana-mana kontrak di negara ini untuk menggunakan kepakaran kewangan insurans negara ini sendiri melainkan kemampuan kita tidak ada di sini. Matlamat ialah supaya pihak profesional di bidang ini boleh memperbaiki kepakaran, kemampuan dan kemahiran mereka di samping boleh membendung pengaliran tukaran asing ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berpindah perkara lain. Baru-baru ini surat khabar melaporkan soal nelayan dari Semenanjung boleh beroperasi di perairan Sarawak. Saya belum jelas atas perkara ini dan apakah keputusan kerajaan atau rancangan yang belum dilaksanakan. Kalau ini satu keputusan oleh kerajaan, apakah rasional keputusan ini. Adakah disebabkan nelayan Sarawak tidak berminat menangkap ikan ataupun menangkap ikan di perairan Sarawak tidak boleh dipenuhi oleh nelayan Sarawak itu sendiri. Bagaimana pula permohonan lesen dari negari tersebut. Adakah permohonan diterima, jikalau ada berapa yang telah mendapat kelulusan atau tidak ada permohonan dari negeri tersebut. Dari laporan akhbar yang berikut jawapan balas dari pihak nelayan Sarawak, ternyata mereka masih membantah keputusan ataupun rancangan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kemerdekaan Sarawak berbangkit dari penggabungan penubuhan negara Malaysia tahun 1963 dahulu, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Pusat di kerajaan negeri telah ditubuhkan berlandaskan keperluan jabatan dan agensi-agensi berkenaan iaitu mengadakan cawangan di Sarawak dan seluruh Sarawak. Jabatan-jabatan ini mengisi keperluan pegawai dan anggota pekerja dengan pegawai dan pekerja seluruh Malaysia. Tindakan ini bukan sahaja telah memberi perkhidmatan kepada negeri Sarawak tetapi mewujudkan integrasi nasional yang meluas. Banyak pegawai dan anggota jabatan ini telah memberi perkhidmatan yang cemerlang, bahkan ada yang mengorbankan jiwa dan raga mereka di situ - askar, polis, banyak lagi jabatan lain yang telah memberi perkhidmatan yang tidak ada nilainya kepada masyarakat di negeri Sarawak. Untuk itu rakyat Malaysia di Sarawak mengucapkan terima kasih.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada satu, dua perkara yang masih menjadi satu persoalan pada masa ini. Rakyat terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di Sarawak termasuk pegawai-pegawai dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak. Persoalan itu ialah mereka yang mengagihkan peruntukan kewangan masih menggunakan kayu pengukur yang dianggap mencukupi di Semenanjung sebagai sesuai digunakan untuk mengukur keperluan dan kemampuan pelaksanaan satu perkara yang sama di Sarawak. Ini telah menjadi satu masalah besar dalam melaksanakan projek-

projek dan program-program Kerajaan Pusat di peringkat negeri. Ada pula pegawai atasan di Semenanjung tidak sedar atau sengaja tidak sedar yang Sarawak itu hampir sama besar dengan seluruh Semenanjung Malaysia dan pedalaman Sarawak itu belum mempunyai infrastruktur terutama sekali jalan raya dan akses sebagai yang boleh dijumpai di Semenanjung Malaysia. Ini bermakna kos lebih tinggi di masa penghantaran dan pemergian yang lebih jauh, lambat dan lama. Musim ribut hujan, musim landas ataupun tengkujuh berlaku pada bulan yang berlainan. Peruntukan kewangan daripada Kuala Lumpur pula sampai pada hampir suku kedua tiap-tiap tahun. Ini bermakna masa pelaksanaan projek hanya boleh dilaksanakan pada penghujung suku ketiga di tahun tersebut. Ini adalah musim bulan hujan, ribut dan lautan bergelora - makna juga pelaksanaan projek dalam jangka masa yang singkat boleh menjejaskan kualiti dan kemampuan pelaksanaan projek tersebut. Jikalau tidak dilaksana sebelum penghujung Disember, peruntukan akan ditarik balik.

Selain daripada itu nilai pengagihan peruntukan - transport and travelling (T&T), dengan izin, dengan jumlah yang sama untuk melaksana projek yang sama di Semenanjung Malaysia. Jangkaan kaedah terbukti tidak tepat dan tidak sesuai. Ini boleh dilihat dari peruntukan batasan travelling tiga hari untuk pegawai luar bandar (penerangan) dan kekurangan peruntukan untuk Jabatan Pendaftaran membuat perkhidmatan luar bandar untuk mendaftar masyarakat luar bandar yang tidak berkemampuan pergi ke bandar untuk

mendaftar kelahiran, kematian dan seterusnya membuat kad pengenalan. Oleh kerana pegawai-pegawai ini tidak boleh sampai ke luar bandar kerana kekurangan peruntukan, maka banyaklah pendaftaran kelahiran, kematian dan kad pengenalan tidak dibuat di luar bandar. Inilah makanya masyarakat di luar bandar akan sentiasa hidup di dalam kesusahan dan kejahilan. Sijil mati mungkin boleh diabaikan tetapi sijil beranak dan kad pengenalan akan membuat tekanan dan padah sepanjang hayat. Tidak boleh memasuki sekolah, melanjut pelajaran ke luar negeri, mendapat pekerjaan, mendapat kad pengenalan, mendaftar menjadi pemilih adalah sebahagian daripada kesusahan, tekanan dan padah yang kerap didapati di luar bandar Sarawak.

Dari itu saya menyeru agar pihak kementerian dan jabatan yang menentukan peruntukan kewangan negeri-negeri membuat sekurang-kurangnya tiga cara atau sistem pengagihan untuk tiga komponen Malaysia yang berasingan iaitu satu untuk negeri-negeri di Semenanjung, satu lagi untuk negeri Sabah dan satu untuk negeri Sarawak. Kos dan T&T mestilah berlainan. Dalam keadaan yang sama pemotongan 20 peratus sebagai langkah berjimat-cermat mesti mengambil kira kos yang saya sebutkan tadi dan tidak boleh dibuat secara across the board, dengan izin, kerana negeri di Semenanjung yang lebih urban mempunyai infrastruktur yang lebih sempurna dari Sarawak dan Sabah, jabatan yang tidak mempunyai banyak komitmen luar bandar tidak akan terasa terjejas tetapi jabatan-jabatan mempunyai tugas dan tanggungjawab luar

bandar akan terpaku walaupun peruntukan untuk core activity, dengan izin, atau projek dan program masih ada.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah agensi-agensi kerajaan hanya wujud sebagai prasarana, jabatan yang lengkap dengan pengarah, pegawai kanan dan pegawai sokongannya. Tetapi agenda dan tugas tidak dilaksana atau dilaksana dengan tidak sepenuh hati.

Salah satu daripada agensi ialah FAMA. Di Sarawak, orang ramai tahu pekerjaan FAMA ialah untuk melaporkan harga barang jualan di pasar Gambir dan Jalan Kesok, Kuching. FAMA sepatutnya membuat rangkaian pasaran kepada hasil pertanian seluruh negeri, ternyata tidak dibuat di Sarawak. Saya ingin menyarankan agar FAMA membuat rangkaian seluruh negara, tiap-tiap negeri, agar hasil pertanian boleh mendapat pasaran secara borong atau runcit, membangunkan usahawan di dalam pemasaran pembelian borong dan runcit ini dan adanya rangkaian pemasaran ini ditubuh dapatlah matlamat kerajaan untuk meningkatkan tahap hidup petani dan pekebun dilaksanakan. Usahawan, pelabur dan pemasaran industri hiliran keluaran petani, juga boleh dijalankan. Usaha pengangkutan untuk usahawan kecil-kecilan juga akan berkembang bersama. Agensi ini bukan wujud kerana agensi jabatan itu sendiri dan bukan wujud kerana pengarah dan pegawai kanan bertugas di dalamnya. Wujudnya ialah kerana matlamat Kerajaan Pusat, keperluan kerajaan negeri dan

masyarakat petani dan pekebun. Agensi ini mestilah tahu, kenal dan komited dan tugas dan tanggungjawabnya.

Dengan itu, saya menyeru agar semua agensi kerajaan yang beroperasi tidak kira di Sarawak atau di mana-mana negeri pun, tugas dan tanggungjawab agensi ini adalah kepada golongan yang tertentu iaitu target group, dengan izin, di negeri tersebut mestilah dilaksana dengan penuh rasa tanggungjawab dan komitmen yang tinggi untuk mencapaikan kesan dan pencapaian yang memuaskan. Agensi ini mestilah membuat perhubungan dengan agensi negeri yang mempunyai fungsi yang sama di negeri tersebut untuk mendapat input dan maklumat yang tepat dan relevan untuk penyelarasan rancangan pelaksanaan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong perintah berjimat cermat kerajaan, tetapi ada juga saya ingin menyeru agar pemotongan dari satu sektor aktiviti jabatan dipertimbangkan semula. Yang utama ialah berhubung dengan Kementerian dan Jabatan Pendidikan. Saya telah dimaklumkan iaitu peruntukan untuk Jabatan Pendidikan telah atau akan dipotong sebanyak 22%, accross the board, dengan izin. Dalam perancangan kementerian dan jabatan tersebut, perkara berikut telah dikenalpasti akan dipotong, sumber, buku, sebagainya, perpustakaan, kaunseling, project grant, subject grant, api dan air. Saya rasa begitu kluatir atas perkara-perkara lain, tetapi api dan air ini amat penting. Jikalau di luar bandar, sekolah yang mempunyai rumah kediaman

kanak-kanak sekolah rendah bermakna kanak-kanak ini berumur 6 - 11 tahun akan duduk di bilik tidur di dalam kegelapan.

Alternatifnya ialah menggunakan lampu minyak tanah dan pelita. Kita mesti ingat apa telah terjadi kepada Sekolah Abang Moh, Seratok, Bahagian Sri Aman, Sarawak pada Oktober 1996, di mana berpuluh-puluh orang kanak-kanak mati terbakar. Punca kebakaran dipercayai oleh lampu pelita atau lampu minyak tanah terjatuh. Baru-baru ini di Kuching, dua orang adik beradik juga telah dipercayai menjadi korban kebakaran di rumah persendirian disebabkan api lilin. Apa pula akan berlaku jikalau beribu rumah kediaman kanak-kanak, murid di sekolah di luar bandar terutama sekali bangunan di luar bandar diperbuat daripada papan dan kayu yang telah kering begitu lama oleh kemarau 'berjumpa' pelita, lampu minyak tanah ataupun lilin. Kita bersama-samalah berdo'a kepada Allah supaya ini tidak berlaku.

Yang kedua, ialah potongan kepada peruntukan makanan yang pada tahun lepas dinilaikan RM4.00 seorang untuk sehari selama persekolahan 265 hari setahun. Pada tahun ini akan diturun kepada RM3.80 seorang sehari walaupun makanan setahun ialah 210 hari. Saya memahami tindakan ini sebagai langkah berjimat cermat kerajaan. Saya memahami tindakan mengurangkan berada di asrama, terutama sekali di masa bercuti dari masa 265 hari ke 210 hari setahun. Tetapi pengurangan peruntukan makanan ini, masa ini, juga makanan naik harga, kuasa pembelian ringgit berkurangan, terutama di

luar bandar, saya bimbang tindakan ini bukan sahaja akan menjejaskan matlamat kerajaan untuk memberi keperluan zat makanan kepada murid-murid yang di luar bandar akan terjejas. Tetapi prestasi kanak-kanak pun mungkin terjejas kerana bekalan alternatif yang murah diberi oleh pembekal nanti.

Pemotongan air, tandas juga menggunakan air. Kalau tandas tidak ada, ditarik, saya tidak tahu apa yang akan terjadi dalam jangka panjang sama ada akan membantu atau pun merugikan kerajaan. Jikalau di luar bandar bolehlah guru-guru dan pelajar mengguna cara asli, di sebalik belukar, di dalam sungai. Sungai tempat menimba air minuman dan kebersihan juga akan terjejas. Saya percaya peruntukan yang disediakan, peruntukan-peruntukan lain, LPPT di Sarawak sebanyak RM1.6 juta tidak akan mencukupi untuk menampung keperluan jumlah RM6.5 juta yang dijangka diguna pada tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga pernah melaporkan, membuat banyak tuduhan melalui perhubungan, pembangunan tanah hak adat bumiputera di Sarawak. Tetapi apa yang tidak difahami atau tidak ditahu atau pun tidak mahu difaham oleh Ketua Pembangkang ialah tuan punya tanah adat ini adalah memiliki tanah mereka, turun menurun berkurun-kurun lamanya tanpa mendapat hasil yang memuaskan. Walaupun ada dari mereka mempunyai 100 sampai 200 ekar, tetapi hasil dari milikan ini adalah nama dan aset terbiar sahaja. Biasanya mereka tidak hidup dengan meneroka sebahagian kecil secara tradisional mungkin 4 atau pun 5 ekar sahaja.

Setelah melihat keadaan ini berterusan, demi untuk meningkatkan tahap hidup rakyat luar bandar yang semakin meleset dan ketinggalan, kerajaan negeri telah membuat satu langkah dan keputusan politik yang berani untuk membangun tanah adat ini secara ladang komersial besar-besaran. Selaras mengadakan beberapa seminar, dialog, perbincangan dan penyelidikan di tiap lapisan masyarakat, dari menteri kabinet, wakil rakyat, ketua kaum dan keputusan ini disebar melalui ceramah dan dialog oleh menteri-menteri, wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan di seluruh ceruk dan pelosok negeri Sarawak. Rata-rata menerima cadangan dan rancangan kerajaan. Dari perjumpaan dan dialog yang tersebut, satu keputusan telah didapati, tuan-tuan tanah yang telah berjaya dikumpul dan berdialog dengan kerajaan, pastilah seperti perkara berikut:

- (i) hasil pelaburan mereka terjamin;
- (ii) tanah mereka tidak akan hilang begitu sahaja;
- (iii) kepentingan mereka, tanah dan pelaburan tidak akan tercicir oleh pihak pelabur.

Oleh itu, kerajaan negeri Sarawak telah membuat beberapa seminar di kalangan bijak pandai, berbincang dengan pegawai-pegawai kerajaan, pengurus syarikat, dan dialog dengan ketua-ketua kaum masyarakat bumiputera yang dikenal pasti. Hasil dari itu, kerajaan pada 1.7.97 telah menerbitkan satu buku bernama *Buku Panduan Konsep Baru Pembangunan Tanah Hak Adat*

*Bumiputera*, yang memberi penjelasan dasar kerajaan, matlamat kerajaan seterusnya garis panduan untuk pelabur. Garis panduan ini banyak dan menyeluruh. Kalau hendak dibentangkan semuanya di sini, mungkin memakan masa satu hari suntuk. Dengan itu adalah memadai bagi saya untuk memetik sahaja intisari buku panduan tersebut. Kerajaan negeri Sarawak telah menetapkan perkara penting seperti di bawah:

*“Oleh yang demikian, satu pelabur akan mengeluarkan modal untuk mendapat syer 60% daripada satu syarikat ladang, tuan-tuan tanah mendapat 30% dan agensi kerajaan sebagai pemegang amanah kepada tuan tanah ialah 10% dalam syarikat”.*

Agensi dan agen ini bertindak sebagai pemegang amanah kepada tanah dan syer tuan tanah untuk memastikan pelabur tidak menyeleweng dari garis panduan tersebut atau membelot keuntungan kesemuanya. Nilai harga tanah akan dibahagi tiga seperti berikut:-

- dibayar secara tunai kepada tuan tanah semasa perjanjian dibuat;
- 30% dilabur ke dalam saham amanah kerajaan menampung pendapatan awal menerusi dividen pelaburan dalam saham amanah kerajaan;
- 60% nilai harga tanah diguna untuk membayar saham pegangan mereka di dalam syarikat ladang yang bernilai 30% saham

terbayar syarikat. Saham 30% ini akan dipegang oleh nama agensi kerajaan yang telah diamanahkan.

Selain daripada itu, geran yang diberi kepada syarikat usahasama, hanya 60 tahun iaitu dua kali penanaman. Selepas itu tanah tersebut akan kembali kepada tuan tanah asal mengikut sistem pemberian geran tanah yang sesuai atas persetujuan majoriti tuan-tuan tanah tersebut, melainkan ada perjanjian baru dengan pelabur asal untuk mengekalkan penerokaan di situ. Di dalam merangka perancangan ini, apabila pelaksanaan nanti dapat dilaksanakan, bumiputera di luar bandar mendapat hasil dari tanah mereka. Tanah yang telah beberapa generasi menjadi hak mereka yang hanya wujud sebagai aset tidak berhasil, kerajaan juga akan berupaya membangun tanah di pedalaman dengan tidak mengeluarkan sumber kewangan kerajaan sendiri. Di samping itu, kerajaan juga boleh memungut hasil berbentuk cukai dan royalti dari pembangunan ini. Masyarakat bumiputera yang mempunyai tanah di luar bandar akan masuk ke dalam arus pembangunan dan tahap hidup mereka akan terjamin sepanjang masa.

Dengan keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menyokong usul.

Beberapa Ahli: [ *Berdiri* ][ *Tepuk* ]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Sandakan.

**5.13 ptg.**

**Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan di persidangan Parlimen pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua sejak pertengahan tahun yang lalu, kita telah menyaksikan kemelesetan ekonomi di Asia Tenggara, khususnya di negara-negara ASEAN. Di Malaysia, masalah ini timbul pada bulan Julai 1997 apabila ringgit menghadapi tekanan akibat tindakan-tindakan ‘manipulative’ oleh pemain-pemain mata wang antarabangsa. Kebijaksanaan dan pandangan jauh Perdana Menteri kita, dengan memperkenalkan langkah-langkah mantap termasuk promosi, mengeksport perdagangan dan pelancongan serta improvitasi pengurangan kos kerajaan ke arah menjaga kemerosotan ekonomi adalah bijak. Langkah-langkah ini telah dapat mengurangkan impak kepada kemusnahan ekonomi negara. Pada masa yang sama, semua menolong mempercepat proses pemulihan. Sejajar dengan langkah ini, Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Komponen Barisan Nasional di Sabah sejak Februari 1998 telah melaksanakan kempen “Hargailah Ringgit Malaysia, Belilah Barang Buatan Malaysia, Cintailah Malaysia” ke beberapa buah bandar seperti Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan dan Tawau. Diharap dengan amalan ini, penyatuan antara semua kaum di Sabah dapat menolong negara menangani krisis kewangan kini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui umum bahawa kos penjanaan hidro elektrik di Sabah adalah lebih tinggi daripada di Semenanjung Malaysia, menyebabkan kos elektrik lebih tinggi. Untuk melindungi kepentingan rakyat, Kerajaan Negeri Sabah dengan Tenaga Nasional telah menolak sama sekali cadangan untuk menaikkan kadar elektrik sebanyak 40% apabila Lembaga Letrik Sabah diswastakan. Langkah tegas dan positif ini, tentu dapat mengurangkan beban pengguna dalam masalah krisis ekonomi ini. Keputusan elektrik adalah perkara biasa di Sabah masa lalu, tetapi jika Tenaga Nasional berada di sini, insiden-insiden ini semakin berkurangan. Paling tidak, tiga tahun berkuasa di Sabah, kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan penubuhan dua projek IPP di Sandakan, sebuah di Sigunduh - kapasiti 61 kilowatt dan sebuah lagi di Batu Sapi -kapasiti 32 kilowatt. Kedua-dua IPP dijangka beroperasi pada akhir tahun ini atau awal tahun depan, memperkuat bekalan elektrik di Sandakan sebanyak 93 kilowatt.

Saya mencadangkan bahawa SEB khasnya haruslah memulakan rancangan untuk memperbaiki sistem kabel elektrik untuk memastikan bekalan elektrik berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan air di Sabah khasnya di Sandakan masih dalam keadaan genting. Dijangkakan bahawa Sandakan akan menghadapi kekurangan air sebanyak 5 juta gelen sehari tahun ini dan tahun 1999 dijangka meningkat kepada 10 juta gelen sehari. Selaku Ahli Parlimen di

Sandakan, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan mengkaji langkah-langkah dan cara-cara menangani masalah ini dalam masa yang sama selain kempen kesedaran penggunaan air, Lembaga Air harus memerhati dan bekerjasama dengan pihak polis untuk memastikan kecurian air tidak berlaku. Kekurangan air di negeri Sabah harus diperiksa untuk memastikan fungsinya tidak terjejas. Saya berkeyakinan bahawa dengan langkah-langkah tegas seperti ini objektif kita dalam penjimatan air dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sumber tenaga manusia yang mahal untuk memenuhi keperluan sektor industri pembangunan Sabah dapat diteruskan. Kekurangan sumber tenaga adalah terlalu berleluasa dalam sektor-sektor seperti perikanan, perladangan, pembinaan dan pembuatan. Buruh asing dari Indonesia dan Phillipina yang kini bekerja di Sabah terdiri daripada tenaga tidak mahir dan sangat 'mobilee'. Kekurangan tenaga kerja bertambah untuk memenuhi permintaan dalam sektor-sektor ini adalah pekerja biasa. Saya merayu kepada Kerajaan Pusat memberikan kursus dan latihan kepada mudamudi Sabah untuk memenuhi keperluan dalam sektor-sektor industri yang pelbagai.

Sejak amalan pendaftaran untuk mengesahkan pekerja asing di Sabah, beberapa masalah baru telah timbul, peraturan-peraturan semasa tidak membenarkan majikan mengupah seorang pekerja pengganti apabila pekerja yang berdaftar itu meninggalkannya. Majikan pun tidak dapat memperoleh

pembayaran balik atas levi yang terbayar apabila situasi ini berlaku. Kekurangan pasaran aktiviti untuk memastikan pekerja-pekerja tinggal dengan majikan mereka dan berdaftar telah menyebabkan pergerakan sewenang-wenang pekerja asing antara majikan dengan majikan yang lain mengakibatkan perbelanjaan berlebihan dan kesusahan kepada majikan yang berkenaan. Saya berharap kerajaan akan mengambil langkah-langkah tegas untuk menangani masalah ini tanpa menyusahkan majikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perikanan juga terpaksa menanggung kos tinggi akibat levi yang dikenakan terhadap buruh asing yang diupah oleh sebuah agensi sumber laut yang kaya di Sabah dan pendapatan yang dapat diperolehi daripada industri ini kerajaan patut mengkaji mengurangkan levi terhadap buruh asing ke tahap seperti yang dinikmati oleh industri agro base. Ini akan meningkatkan kompetitif dalam sektor ini dan mengeluarkan pengimportan bahan-bahan ikan ke Sabah. Sabah yang mempunyai pantai yang panjang, kaya dengan hasil laut, perikanan haram menggunakan bom sering berlaku di perairan Sabah dan ini satu bahaya besar kepada industri perikanan ini. Aktiviti haram ini menyebabkan pemusnahan kepada dasar laut dan kehidupan laut, akibatnya berkurangan kepada sumber laut. Pihak berkuasa yang berkenaan patut mempertingkatkan kesedaran untuk menjaga aktiviti haram ini daripada berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, semasa upacara pembukaan seminar tentang polisi pendidikan nasional baru-baru ini, Menteri Pendidikan Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak memberitahu bahawa kementerian beliau akan bercadang memperkenalkan sistem anjal perlisanan sekolah berdasarkan keupayaan pembelajaran pelajar. Sistem ini akan menyebabkan peningkatan pemikiran, penganalisan dan kreativiti di kalangan pelajar. Oleh itu meningkatkan kompetitif pelajar. Saya menyokong kaedah-kaedah perubahan pendidikan ini sejajar dengan keperluan-keperluan abad ke-21. Saya percaya bahawa kesedaran kaedah awal ini akan memenuhi hasrat Malaysia ke arah zaman teknologi tinggi dan teknologi informasi.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit sosial dan jenayah di Malaysia semakin berleluasa akibat kemajuan dan pembangunan negara yang pesat. Sebilangan remaja kita dikatakan mengabaikan pekerjaan mereka dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti maksiat seperti penagihan dadah, kecurian dan berlaku perlawanan samseng di kawasan sekolah. Kejadian ini merupakan isu yang membimbangkan ibu bapa.

Saya meminta ibu bapa-ibu bapa memainkan peranan mereka dengan memperuntukkan lebih masa memerhatikan gerak geri anak-anak mereka sama ada di rumah atau di luar rumah. Sebagai ibu bapa-ibu bapa tidak perlu memastikan anak-anak kita diberi bimbingan dan penyeliaan yang sempurna serta menerapkan nilai-nilai positif dan moral kepada mereka. Dengan adanya

persekitaran rumah yang sihat dan bimbingan ibu-ibu bapa yang sempurna adalah penting kepada proses pembesaran anak-anak kita. Selain menyediakan pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan akademik, guru-guru juga patut memainkan peranan mereka memupuk sikap positif anak murid mereka dan menggalakkan mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti kurikulum yang sihat dengan kerjasama ibu-ibu bapa dan pihak sekolah dapatlah aktiviti-aktiviti negatif ini dibanteras, dengan itu masyarakat harmonis wujud ke arah negara yang baik, yang kuat dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Perdana Menteri Malaysia, Timbalan Perdana Menteri dan ahli-ahli Kabinet yang bijak mengatur langkah-langkah dalam menghadapi krisis kewangan yang dihadapi oleh negara kita dan membimbing negara ke arah pemulihan yang lebih cepat. Saya merayu kepada semua rakyat Malaysia supaya bekerjasama dan menggembeng tenaga sebagai satu pasukan menyokong pemimpin-pemimpin kita dengan menangani krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tuaran.

**5.22 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahas Titah Ucapan

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen Penggal Keempat, Parlimen Yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi sekarang Malaysia tetap aman damai kerana rakyat bersatu-padu di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda. Tidak dapat dinafikan bahawa semua lapisan masyarakat Malaysia seluruh negara sedang berasa bahang kegawatan ekonomi masa kini. Rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin amat tertekan terutama mereka yang tinggal di luar bandar.

Perkembangan ekonomi beberapa negara jiran kita di rantau Asia termasuklah Korea Selatan belum ada tanda-tanda mula meningkat meskipun mendapat bantuan kewangan daripada Kumpulan Wang Antarabangsa. Jepun sebuah negara maju dan ekonomi yang kedua terbesar di dunia dan China juga masing-masing sedang menghadapi tekanan kegawatan ekonomi sejagat. Kejatuhan mendadak nilai Ringgit Malaysia dan kenaikan kadar inflasi kepada 8% tahun ini juga memburukkan lagi keadaan. Semua ini adalah faktor-faktor di luar kawalan kita dan sudah tentu menyebabkan kegawatan ekonomi negara sekarang more difficult and complicated, dengan izin untuk diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya doakan agar masalah ekonomi yang sedang kita hadapi sekarang tidak akan berlarutan lebih lama daripada yang dijangkakan. Walaupun pakar-pakar ekonomi berpendapat bahawa keadaan

masalah ekonomi negara-negara rantau Asia sekarang hanyalah sementara sahaja, kita tidak boleh complacent atau over confident, dengan izin. Unjuran kadar 2.5% pertumbuhan ekonomi negara tahun ini yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 24 Mac 1998 amat rendah berbanding dengan tahun-tahun lalu dan ini adalah membimbangkan. Laporan Bank Negara yang dikeluarkan minggu lalu memperakui bahawa keadaan sistem perbankan di Malaysia masih kukuh, tetapi Gabenor Bank Negara sebelum itu telah mendedahkan bahawa Bank Bumiputra Malaysia Berhad memerlukan suntikan modal baru lebih kurang 750 juta.

Sime Bank Berhad pula dilaporkan memerlukan suntikan modal baru RM1.2 billion sementara Abrar Finance Berhad memerlukan RM7 juta suntikan baru dan Cempaka Finance Bhd. memerlukan RM12 juta masing-masing. Rating Agency Malaysia Bhd. (RAM) pula telah mengubah kedudukan prestasi Arab Malaysia Merchant Bank, Arab Malaysia Finance Berhad, Perwira Affin Merchant Bank Bhd. dan Perwira Affin Bank Bhd. daripada positif kepada negatif.

Statistik NPL yang tinggi di kalangan institusi kewangan dalam negara kita seperti yang dilaporkan oleh Bank Negara tidak boleh dipandang ringan. Kerajaan pula telah memberi amaran kepada bank-bank yang gagal bergabung mungkin terpaksa gulung tikar.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pula tidak berapa lama dahulu ada menyuarakan kebimbangan beliau tentang liku-liku problem dengan izin yang dihadapi oleh oleh pihak-pihak bank tempatan. Awal tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pula telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa rizab negara setakat RM65 bilion sahaja dan hanya mampu membiayai tukaran import negara untuk tiga setengah bulan sahaja. Semua faktor-faktor di atas membayangkan bahawa kestabilan institusi kewangan dalam negara kita sebenarnya tergugat teruk oleh kegawatan ekonomi sekarang. Kementerian Kewangan perlu memberi penjelasan ikhlas mengapa keperluan bergabung ini tidak ditimbulkan lebih awal, dan apakah kedudukan sebenar institusi perbankan dan prestasi syarikat-syarikat kewangan di negara kita masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pendirian kerajaan seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa wang rakyat tidak akan digunakan untuk menyelamatkan mana-mana syarikat atau institusi kewangan yang bermasalah. 'Indah khabar dari rupa'. Kerajaan telah menggunakan kewangan rakyat melalui EPF berjumlah RM710 juta untuk memberi pinjaman kepada Perwaja Steel Mill Berhad, yang mungkin akan terus mengalami kerugian. EPF pula dilaporkan berhasrat untuk membeli 20% saham PLUS. Berapakah bayaran untuk KWSP di dalam pengambilan pembelian saham ini dan apakah rasionalnya Tenaga Nasional Berhad pula

telah diberi pinjaman RM12 bilion untuk general investment purposes, dengan izin, oleh KWSP dengan kadar faedah 7.5% sahaja.

Persoalannya, adakah KWSP memberi semua pinjaman ini di bawah tekanan mana-mana pihak dan apakah jaminan bahawa wang KWSP ini sebenarnya tidak akan digunakan untuk menebus atau 'to bail out', dengan izin, syarikat-syarikat yang bermasalah di negara kita sekarang. Siapakah yang memberikan wang yang dikutip oleh KWSP ini adalah titik peluh rakyat dan sekiranya kerajaan menjadi guarantor, dengan izin, memang tidak hilang tetapi akhirnya wang yang akan terkorban ialah wang rakyat juga walaupun dibayar oleh kerajaan kalau sekiranya institusi-institusi yang berkenaan gagal untuk membayar balik kewangan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa .....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Apa yang mahu minta penjelasan?

*(Ketawa)*

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bila pinjaman ini dibuat oleh KWSP kepada pihak-pihak yang tertentu, pinjaman ini dikatakan dibuat dengan harga kadar faedah kurang dari 'market value', iaitu lebih kurang 7.5%. Adakah bukan lebih baik kalau wang ini disimpan di bank-bank dan mendapat faedah beberapa peratus - 12%, 13%, dan bukannya ini satu cara yang lebih baik dari apa yang sedang dibuat oleh kerajaan Malaysia yang membuat pinjaman kepada sektor-sektor

yang ia kehendaki dengan faedah yang sangat kurang dan telah menjejaskan interest atau kepentingan KWSP dan pada contributor. Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)** Terima kasih Yang Berhormat dari Teluk Intan. Seperti yang telah saya katakan tadi iaitu kadar faedah yang dikenakan dalam hal ini adalah hanya 7.5% sahaja dan memang kalau diambil kira faedah yang boleh diperolehi melalui bank-bank saudagar atau mana-mana bank sekarang iaitu lebih daripada 10% memang ini jauh lebih rendah daripada kadar pasaran. Walau bagaimanapun, saya rasa yang lebih penting di sini ialah adakah wang ini digunakan 'to bail out', dengan izin syarikat-syarikat yang tidak mungkin akan berupaya untuk membayar balik pinjaman itu. Saya harap itu tidak akan berlaku, oleh kerana kalau itu berlaku kita akan menghadapi masalah yang lebih besar di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi persoalan yang saya ingin tanya ialah adakah benar laporan majalah *Far Eastern Economic Review* keluaran 26 Mac, 1998, bahawa empat buah bank di Malaysia telah memberi pinjaman berjumlah RM713 juta kepada *Hotex Investment* yang berdaftar di Hong Kong. Tetapi ada kaitan dengan Renong untuk membeli 82.5 % saham dalam National Steel Berhad di Filipina.

Bank manakah yang telah memberi pinjaman itu dan mengapakah pinjaman itu tidak digunakan untuk menyelamatkan Terengganu Perwaja Steel Mill oleh Renong, kalaulah laporan ini benar. Kenapa mahu selamatkan Steel

Mill di luar negara, tetapi di dalam negara tidak pula. Apakah rasionalnya dan di manakah pendiriannya. Pengurusan wang rakyat perlu perketatkan kerana hanya dengan cara pengurusan yang ketat dan mantap keadaan ekonomi negara sekarang akan dapat dipulih semula.

Para pelabur asing pula hanya akan yakin dan kembali melabur dalam negara kita kalau jelas kelihatan bahawa institusi-institusi kewangan di negara kita bukan sahaja kukuh tetapi dikawal dengan baik dan tindakan undang-undang yang tegas diambil terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab. Saya merasa hairan dan kesal kerana inilah merupakan kali yang ketiga Bank Bumiputra Berhad dilaporkan bermasalah kewangan. Saya harap tiada lagi 'bail out', dengan izin, dengan menggunakan wang rakyat untuk BBMB kali ini. Sudah tentu kemelut kewangan Perwaja Steel Mill Berhad adalah salah satu daripada faktor-faktor yang telah menimbulkan kegawatan ekonomi negara sekarang. Namun belum ada pula tindakan diambil terhadap mereka yang telah mengakibatkan kerugian kerajaan berbilion ringgit. Kegagalan mengambil tindakan yang sewajarnya will undermine our Economic fundamental further, dengan izin, dan ini pasti akan menjejaskan kewibawaan sistem perbankan dan pasaran modal negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dilaporkan dalam media bahawa tahun ini tidak kurang daripada 150 syarikat pelancongan milik bumiputera terpaksa gulung tikar. Pengarah Imigresen dilaporkan telah berkata bahawa menjelang

penghujung tahun ini sebanyak 250,00 rakyat Malaysia akan kehilangan pekerjaan. Tindakan majikan-majikan membuang ramai pekerja yang kebanyakannya adalah bumiputera menunjukkan bahang kegawatan ekonomi negara semakin memuncak dan mula menggugat asas ekonomi negara. Kini kerajaan pula terpaksa membenarkan penjualan saham-saham syarikat-syarikat milik bumiputera kepada bukan bumiputera. Pencapaian pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang hanya setakat 90% sahaja tentu terjejas lebih teruk lagi. Keadaan begini boleh memberi gambaran negatif mengenai iklim pelaburan dalam negara kita dan mempunyai implikasi negatif mengenai kedudukan jangka panjang ekonomi bumiputera. Ini perlu ditangani dengan amat berhati-hati. Tidakkah kerajaan mampu membentuk satu 'Trust Fund', dengan izin, untuk menyelamatkan keutuhan ekonomi bumiputera di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi negara sekarang hendaklah menjadi pengalaman untuk kerajaan lebih berhati-hati dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan negara di masa akan datang. Sepatutnya keperluan asas rakyat seperti bekalan air dan elektrik di luar bandar hendaklah diutamakan, dan bukan projek-projek mega seperti Bakun Dam, dengan izin, dan lain-lain lagi yang hanya menguntungkan beberapa golongan masyarakat sahaja. Tetapi kini jelas bahawa nasib rakyat luar bandar terpaksa diabaikan.

Walaupun kerajaan telah mengumumkan bahawa RM1 bilion tambahan untuk menampung pembangunan ataupun keperluan-keperluan rakyat yang

termiskin tetapi itu pun dipinjam daripada World Bank seperti diumumkan. Bukankah ini satu perkara yang sangat mengecewakan. Pelaburan terus asing ataupun FDI, dengan izin, memang amat penting untuk negara, tetapi kita tidak boleh terus bergantung kepada pelaburan asing untuk maju kerana dalam usaha menarik pelaburan juga kita menghadapi persaingan ketat di rantau ini. Di samping itu pula pelabur-pelabur asing akan membawa keluar pelaburan mereka bila negara kita menghadapi kegawatan ekonomi seperti sekarang..

Untuk memulihkan ekonomi negara, dasar 'Make The Neighbour Rich' perlu diganti dengan dasar pelaburan 'Charity Begins at Home'. Rakyat Malaysia jangan digalakkan membuat pelaburan besar-besaran di luar negara, sebaliknya pihak kerajaan perlu memberi bantuan dan insentif yang berpatutan kepada rakyat tempatan untuk membawa balik pelaburan mereka dari luar negara ke Malaysia. Ini selaras dengan seruan kerajaan kepada rakyat membeli barangan buatan Malaysia. Kenapa mesti rakyat biasa diseru membeli barangan Malaysia untuk membantu industri atau perkembangan ekonomi dalam negara, tetapi pelabur-pelabur yang mempunyai wang banyak digalakkan melabur di luar negara. Dan seperti yang saya telah katakan tadi menggunakan wang Malaysia ataupun yang diambil pinjaman dari bank dalam Malaysia pula.

Pemberian insentif yang menarik seperti saya telah katakan tadi, mungkin bukan sahaja 'alat' untuk membangkitkan perasaan cintakan negara atau patriotism, dengan izin, di kalangan rakyat Malaysia tetapi boleh

membantu ke arah pengumpulan dana atau tabungan pelaburan dalam negara oleh rakyat Malaysia sendiri untuk jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan mendadak nilai Ringgit sekarang sudah tentu menyebabkan perbelanjaan negara untuk mengimport bahan makanan tahun ini akan naik melambung. Tambahan pula, pengeluaran makanan dalam negara akan berkurangan kerana terjejas keadaan cuaca sekarang dan keupayaan banyak petani di seluruh negara mengeluarkan bekalan makanan untuk keperluan sendiri terjejas atau berkurangan.

Menurut kenyataan Menteri Pertanian Malaysia baru-baru ini, daripada 5.7 juta hektar keluasan kawasan tanah di seluruh negara yang berpotensi diusahakan untuk industri pertanian hanya 23% sahaja yang telah diusahakan. Untuk mengatasi masalah terlalu bergantung kepada bekalan makanan yang diimport, saya mencadangkan agar strategi dasar pertanian negara yang sedang digubal ialah untuk membolehkan Malaysia mampu mengeluarkan bahan makanan bermutu tinggi untuk memenuhi keperluan makanan rakyat sendiri dan bahan makanan untuk dieksport. Kerajaan perlu menjadikan pertanian sebagai industri keutamaan dan memberi galakan kepada pihak swasta agar melabur di dalam penyelidikan dan pembangunan infrastruktur industri pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, amat malang bagi rakyat di Sabah kerana kerajaan negeri Sabah tidak faham tentang tekanan kegawatan ekonomi yang kita hadapi

sekarang. Menteri Perindustrian kerajaan Barisan Nasional di Sabah tahun lalu telah berkata, “I don’t understand why there is soo much worry about the fall in the value of our Ringgit” dan bulan ini Menteri yang sama bertanya lagi atau berkata lagi, “ I don’t understand why Bank Negara regard lands development investment as non-productive industry”, seolah-olah ia mahu mengajar itik berenang.

Dengan prestasi Menteri Perindustrian negeri Sabah begini, maka tidak hairanlah mengapa secara senyap-senyap dan penuh dengan tanda tanya kerajaan negeri Sabah telah menjual banyak harta dan syarikat-syarikat yang menguntungkan dan menjadi sumber kewangan tetap kepada negeri Sabah. Ini sekali gus merosakkan asas ekonomi negeri Sabah. Akibatnya untuk membayar gaji kakitangan perkhidmatan awam setiap bulan kerajaan negeri Sabah mencari wang seperti “ayam kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.

Kontraktor-kontraktor yang diarah atau dilantik untuk menjalankan kerja-kerja kontrak oleh jabatan-jabatan atau agensi kerajaan negeri merungut kerana walaupun kerja-kerja telah disiapkan, kerajaan tidak ada wang pula untuk membayar mereka. Dalam semua rancangan pembangunan atau pendekatan pemulihan kegawatan ekonomi sekarang, kerajaan mesti pragmatis dan realistik.

Semasa Pilihanraya Umum Negeri 1994, Barisan Nasional telah berjanji satu ‘Sabah Baru’ di mana tiada lagi kemiskinan dan setiap rakyat Sabah akan

diberi sebuah rumah. Walaupun janji 'Sabah Baru' belum ditunaikan, namun pemimpin-pemimpin BN di Sabah terus menabur janji kosong yang mustahil untuk ditunaikan. Ini tidak wajar kerana ia bukan sahaja mempengaruhi banyak rakyat menjadi terlalu materialistik, tetapi terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan. Ada yang tidak tahu erti berdikari dan masih menunggu janji 'Sabah Baru' Barisan Nasional ditunaikan dan mereka pasti akan terus menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan jerebu di negara kita bukan sahaja menjejaskan kesihatan rakyat tetapi telah menambah kegawatan ekonomi negara. Saya merasa kesal kerana pihak Kerajaan Persekutuan telah bertindak cepat menghantar ahli-ahli Bomba membantu Indonesia tahun lalu untuk memadam kebakaran/api di negara itu. Tetapi tindakan serupa tidak dilakukan tahun ini di Sabah. Saya harap kementerian berkenaan akan dapat memberi penjelasan, apakah kemajuan tindakan telah diambil di peringkat ASEAN atau antarabangsa untuk mengatasi jerebu di negara kita sekarang dan supaya tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pendatang tanpa izin di negara kita sudah sampai ke tahap yang merbahaya. Saya sedar bahawa di Semenanjung kawalan ketat di sepanjang sempadan Malaysia dilaksanakan dan tindakan untuk menghantar balik pendatang asing tanpa izin ke negara asal masing-masing juga rancak dijalankan. Tetapi tindakan serupa tidak dilakukan di Sabah malahan pendatang asing tanpa izin boleh masuk sesuka hati seolah-olah

sempadan negara yang membabitkan Sabah, bolos atau tidak dikawal langsung. Saya harap keselamatan rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah diambilkira di dalam perhitungan kepentingan keselamatan negara. Harus diingati yang Sabah adalah sebahagian daripada negara Malaysia yang berdaulat dan perlu dipertahankan daripada segala ancaman keselamatan. Jika ancaman di sempadan Sabah tidak dikawal dengan rapi maka lambat-laun keselamatan negara keseluruhannya juga akan terancam.

Kedaulatan negara kita keseluruhannya mesti dipertahankan, at all cost dengan izin. Kehadiran begitu ramai sekali pendatang tanpa izin di Sabah semasa kegawatan ekonomi negara sekarang mengerunkan lagi keadaan kehidupan rakyat Malaysia di Sabah. Ini kerana bilangan pendatang asing tanpa izin yang begitu ramai di Sabah bukan sahaja menyebabkan keperluan bekalan makanan bertambah dan sekali gus inflasi melambung tinggi tetapi mereka juga merebut peluang pekerjaan rakyat tempatan.

Kemudahan awam seperti rawatan di hospital-hospital untuk rakyat tempatan juga direbut oleh mereka. Keperluan ubat-ubatan di hospital-hospital pula bertambah berlipat ganda. Pendatang asing tanpa izin di Sabah juga, kini berani mendapatkan bekalan air dan elektrik, by hook or by crook, dengan izin. Ini menyebabkan rakyat tempatan pula menghadapi kesukaran untuk mendapat bekalan air atau elektrik yang cukup. Mereka juga berani menjalankan berbagai kegiatan jenayah yang serius seperti menggunakan letupan untuk

menangkap ikan, menjual dadah terutama jenis 'shabu', menyeludup berbagai jenis barangan dan merompak hingga membabitkan pembunuhan.

Pihak Kementerian Dalam Negeri mesti berusaha bersungguh-sungguh bukan sahaja untuk menghalang pendatang asing tanpa izin memasuki Sabah tetapi menghantar mereka yang sudah berada di situ pulang dengan segera. Jika pihak kementerian tidak bertindak tegas terhadap pendatang asing tanpa izin di Sabah yang bilangannya kian bertambah mungkin suatu masa nanti bukan sahaja rusuhan seperti yang telah berlaku di beberapa kem tahanan di Semenanjung minggu lalu akan berlaku tetapi yang amat serius mungkin akan berlaku di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bayangkan kalau 1,500 sahaja mula memberontak kerana tidak mahu dihantar balik ke negara asal mereka, bagaimanakah 2 juta di seluruh negara kita boleh tangani. Dan dengan perbuatan pihak-pihak tertentu campur tangan untuk memburuk-burukkan keadaan, kita akan amat tertekan. Soalan kenapakah ini dibiarkan berlarutan sedemikian lama, adakah ini mendatangkan manfaat bila waktu negara kita menikmati ekonomi yang mapan tetapi di dalam pada itu perancangan untuk keperluan ini tidak diambilkira. Seolah-olah kita mengharapkan bahawa masalah tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, desakan kegawatan dalam negara kita dan juga di negara-negara jiran sekarang boleh menimbulkan berbagai implikasi yang tidak terduga dan melibatkan keselamatan negara.

**Tuan M. Kulasegaran :** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Teluk Intan

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, penjelasan mengenai pendatang asing, adakah benar di antara pendatang asing ini telah didaftarkan sebagai pemilih di Sabah dan adakah jika di PBS mengambilalih kuasa pada pilihanraya akan datang akan mengusir, mengenalpasti ....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya dengar ada Speaker lain. Jadi adakah tindakan akan diambil untuk mengusir mereka ini.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran :** Masalah bodoh, dengar dahulu.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Teluk Intan sekali lagi. Memang Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai ke situ jika ada masa, tetapi memang kita tahu bahawa inilah masalah pendatang tanpa izin di Sabah dan juga masalah yang kita tidak faham tentang pemimpin-pemimpin beberapa

parti termasuklah komponen Barisan Nasional yang sengaja mendaftar rakyat asing sebagai pengundi. Seolah-olah mereka rela melawan PBS, menganggap PBS ini sebagai musuh ketat negara tetapi musuh di dalam selimut dia tidak tahu, mahu menyerahkan negara kepada rakyat asing. Jadi inilah persoalannya yang terlalu teruk di Sabah tetapi kita berdoa kalau-kalau mereka sudah menjadi begitu banyak di dalam negara kita, siapakah nanti yang akan menjadi Ketua Menteri negeri Sabah akan datang atau apakah yang mereka akan lakukan. Mungkin mereka juga akan berucap seperti saya di sini tetapi nadanya mungkin berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan bermain dengan api, perlu dibayangkan apakah akan terjadi jika rakyat asing yang berjumlah hampir sejuta orang berada di Sabah itu merusuh. Saya mohon dan berharap agar pihak yang berkuasa keselamatan negara bertindak cepat dan jangan pula, sudah terhantuk baru terngadah.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin yang begitu ramai di Sabah menjadi lebih serius kerana mereka menjadi pasaran terbuka untuk kad pengenalan yang dibekalkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab. Saya telah berkali-kali membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai masalah pemberian kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin tetapi hingga sekarang belum ada penyelesaian. Saya harap pihak yang berkuasa keselamatan dan Jabatan Pendaftaran Negara bertindak cepat untuk

mencari jalan mengatasi masalah kad pengenalan palsu di Sabah. Saya cadangkan agar Akta Pendaftaran Negara dipinda untuk mengenakan tindakan dan hukuman yang lebih berat seperti merampas harta mereka yang membantu memberikan kad pengenalan kepada rakyat asing kerana mereka adalah pengkhianat keselamatan negara. Rakyat asing yang didapati menggunakan kad pengenalan palsu atau kad pengenalan orang lain hendaklah dikenakan denda yang berat dan jika mereka gagal membayar denda yang dikenakan maka semasa menjalankan hukuman penjara mereka diwajibkan dikenakan atau menjalankan hard labour, dengan izin, sehingga dihantar pulang. Hukuman seperti ini adalah wajar sebagai deterrent kepada semua yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan pihak-pihak tertentu mendaftar pendatang-pendatang tanpa izin sebagai pengundi sudah berkali-kali juga dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Banyak bantahan awam telah dibuat di seluruh Sabah tapi pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak menghiraukan bantahan yang dikemukakan. Pemilih-pemilih yang tidak patut dimasukkan dalam daftar pemilih setelah bantahan terhadap mereka diterima oleh pegawai pendaftar tetapi menghairankan kerana nama-nama mereka yang telah dibantah itu dikekalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Justeru itu, daftar pemilih di Sabah tercemar kerana mengandungi nama-nama rakyat asing yang tidak layak didaftar sebagai pemilih. Sebaliknya

banyak pula nama-nama rakyat tempatan dalam daftar pemilih yang dipindahkan ke daerah mengundi yang lain tanpa pengetahuan para pengundi. Ada juga nama-nama pemilih yang hilang begitu sahaja daripada daftar pemilih tanpa sebab atau pengundi berkenaan tidak diberitahu sebab mengapa nama mereka digugurkan daripada daftar pemilih. Di samping itu, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia tahun lalu telah mewujudkan dua naskhah daftar pemilih yang berlainan untuk beberapa kawasan pilihanraya yang sama di Sabah. Naskhah daftar pemilih yang berlainan itu ganjil kerana nama-nama pengundi yang sama didaftar di dalam kedua-dua naskhah daftar pemilih itu tetapi bilangan berlainan dan ini amat mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya tidak patut bersubahat atau membiarkan badan itu diperalatkan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan politik sempit mereka yang berniat subversif. Adalah mustahil semua kepincangan seperti yang di atas itu boleh berlaku kalau tiada orang atau sindiket termasuk orang dalaman terlibat mengaturnya. Semua ini menunjukkan pihak Suruhanjaya Pilihanraya memperkecil-kecilkan proses pilihanraya yang berasaskan demokrasi dan Perlembagaan negara kita. Pendaftaran pemilih dilakukan hanya permainan politik oleh pihak-pihak tertentu yang ingin memastikan keputusan semua pilihanraya di Sabah memihak kepada mereka sahaja tanpa mengambil kira implikasi pendaftaran rakyat asing sebagai pemilih. Mungkin mereka hanya akan

memilih orang yang akan menentang Malaysia suatu hari nanti. Laporan telahpun dibuat kepada Polis di Sabah mengenai semua perkara yang telah saya bangkitkan di atas tadi. Tindakan sewajarnya terhadap mereka yang curang dan durhaka kepada Perlembagaan negara mesti diambil. Hak rakyat untuk mengundi melalui proses pilihanraya yang bersih berdasarkan prinsip demokrasi dalam ertikata sebenar dan menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Perlembagaan mesti dihormati. Tiada ertinya kita mengadakan pilihanraya jika keputusan pilihanraya itu sudah ditentukan terlebih dahulu melalui perbuatan khianat dan manipulasi yang subversif termasuklah penggunaan pengundi-pengundi hantu atau rakyat asing.

**Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Libaran bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Yunof Edward Maringking :** Banyak lagi, nanti penghabisan saya beri.

Tuan Yang di-Pertua, Pilihanraya Umum Negeri Sabah mungkin akan diadakan tidak berapa lama lagi. Rakyat Malaysia di Sabah mengharapkan pilihanraya itu nanti akan dijalankan menurut undang-undang dan tiada penipuan atau penggunaan politik wang. Perdana Menteri telah berkali-kali mengatakan bahawa penggunaan politik wang untuk mendapat kuasa akan menggalakkan rasuah dan ini akan menghancurkan negara. Pilihanraya

Umum Negeri Sabah akan datang merupakan peluang yang terbaik bagi Kerajaan Persekutuan dan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuktikan keikhlasannya membentras pengaruh politik wang ataupun rasuah untuk mendapat kuasa dalam pentadbiran negara. Rakyat Malaysia di Sabah sudah cukup bersabar melihat penipuan dan penggunaan wang semasa Pilihanraya Umum Negeri pada tahun 1994 dan Parlimen tahun 1995. Jika Pilihanraya Umum Negeri Sabah akan datang tidak dijalankan menurut Perlembagaan dan penggunaan wang diteruskan, rakyat Malaysia di Sabah akan sangat kecewa. Mungkin mereka tidak akan percaya lagi tentang proses pilihanraya dalam negara ini di masa-masa akan datang. Kita semua harus mengambil iktibar daripada apa yang sedang berlaku di beberapa negara asing akibat pilihanraya yang dijalankan tidak menurut Perlembagaan seperti di Algeria, di Bulgaria dan yang terdekat ialah di Myanmar. Keamanan tidak ada lagi. Kehilangan kepercayaan rakyat dalam proses pilihanraya bukan sahaja merugikan negara tetapi boleh menjatuhkan maruah dan nama baik negara di seluruh dunia dan sekali gus ini akan menjejaskan usaha Kerajaan menarik pelaburan asing untuk memulihkan kegawatan ekonomi negara. Hasrat negara untuk mencapai perpaduan rakyat berbilang kaum berasaskan Wawasan 2020 juga akan hancur. Ya, silakan Libaran.

**Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman :** Terima kasih. Saya mohon penjelasan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sekiranya kalau ada pendaftar-pendaftar pemilih seperti yang di'claim' oleh Yang Berhormat sebagai satu tuduhan, apakah sebabnya PBS boleh dapat kerusi di Sabah ini kalau ada penipuan yang berlaku di Sabah ini yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat. Kenapakah Yang Berhormat boleh jadi wakil rakyat pembangkang di Sabah? Ini saya mohon penjelasanlah.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang siapa yang makan lada, dia akan merasa pedas. [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, amat malang kerana kita menghadapi kegawatan ekonomi negara sekarang dan janji pembangunan yang ditaburkan tetapi tidak serupa bikin. Kegawatan ekonomi negara sekarang pula, menjadi alasan Kerajaan Persekutuan menangguh atau membatalkan projek-projek pembangunan yang telah dirancang untuk dilaksanakan di Sabah sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh. Penangguhan pembinaan beberapa buah hospital baru yang amat diperlukan seperti di Keningau, Lahad Datu, Kunak, Tuaran dan lain-lain tempat telahpun diumumkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Saya mohon agar pembinaan hospital-hospital itu dipertimbangkan semula dan diteruskan.

Keadaan lebuhraya di Sabah juga sangat mengecewakan. Kerja mengaspal jalan raya dari Beaufort-Mesapol di Sipitang tidak bergerak.

Demikian juga pembinaan jalan raya Beaufort-Menumbok sangat lembab. Kerja untuk mengaspal jalan raya Keningau-Nabawan, jalan raya ke pekan Beluran dan jalan dari Sipitang ke Tenom belum lagi dimulakan walaupun kelulusan telah diumumkan oleh kerajaan berkali-kali. Kerja pemuliharaan jalan raya dari Kota Kinabalu-Lahad Datu-Tawau pula sangat mengecewakan kerana banyak bahagian sepanjang jalan raya itu rosak teruk tetapi tiada tindakan untuk membaiki diambil oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pendidikan di Sabah juga terjejas hanya 12 buah sahaja daripada 65 buah sekolah yang telah dirancang untuk Sabah semasa keadaan ekonomi negara baik iaitu sepanjang Rancangan Malaysia Keenam. Ini sangat mengecewakan rakyat kerana mungkin lebih sukar Kementerian Pendidikan melaksanakan semua rancangannya untuk pendidikan di Sabah sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh dengan keadaan kegawatan ekonomi dan tidak stabil sekarang ini.

Sebenarnya kini para ibu bapa murid-murid terpaksa bergotong-royong untuk membina bangunan-bangunan sekolah di beberapa kawasan masing-masing kerana banyak keperluan bangunan tidak dibina oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Saya harap pihak Kementerian dapat membuat program khusus untuk mengatasi banyak keperluan bangunan sekolah, di sekolah di Sabah agar pembangunan pendidikan kanak-kanak di Sabah tidak akan terbantut. Sudah tentu keperluan tempat belajar di universiti-

universiti tempatan juga akan bertambah berlipat kali ganda sekarang memandangkan kegawatan ekonomi. Untuk menampung keperluan yang bertambah itu saya harap pihak kerajaan akan mempercepatkan pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Sabah. Dalam hal ini saya ingin memberitahu pihak Kementerian Pendidikan bahawa pembinaan bangunan tetap Universiti Malaysia Sabah amat lembab dan ini perlu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri saya sedar bahawa pihak kerajaan telah dan sedang mencari jalan untuk memperbaiki keadaan ekonomi negara dan memanglah bukan senang untuk mengatasi kegawatan ekonomi yang sedang kita hadapi. Saya harap dengan pengurusan ekonomi negara dengan cekap, amanah dan tegas, ekonomi negara kita akan pulih dengan secepat mungkin dan selepas itu akan berkembang dengan lebih cemerlang lagi. Kita mesti berdoa meminta bimbingan dan restu daripada Tuhan Yang Maha Kuasa dalam semua rancangan kita kerana 'Man proposes but God disposes'. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Sibu.

**6.14 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] :** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengucapkan penghormatan serta penghargaan kepada Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan yang prihatin dan

berinspirasi di Dewan yang mulia ini. Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong benar-benar menyentuh isu yang luas dan meliputi semua aspek kepesatan pembangunan serta merintis udara keyakinan dan yang bersih semasa krisis ekonomi melanda di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, krisis semasa ekonomi kebangsaan telah memberi tanda yang amat menggemparkan kepada 21 juta rakyat Malaysia. Banyak rakyat Malaysia dengan sekelip mata telah kehilangan berjuta-juta ringgit menghadapi pengangguran, masa hadapan yang tidak menentu dan sara hidup yang lebih tinggi termasuk ibu bapa yang membiayai anak-anak yang belajar di seberang laut, yang perlu membayar satu hingga dua kali ganda kos pendidikan.

Amat bertuah sekali, bahawa pemimpin dalam Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersama rakan sejawat mereka di dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah mengamalkan langkah dan dasar yang begitu dramatik dan realistik, serta fleksibel dalam menangani krisis ekonomi ini dengan menarik kekuatan asas ekonomi kukuh kita sendiri serta 21 juta rakyat Malaysia, tanpa tertakluk kepada jajahan ekonomi kuasa asing melalui IMF atau Tabung Kewangan Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin dalam IMF Bank Dunia, serta kebanyakan negara asing seperti Jerman, Negara China, U.S.A dan Taiwan

kesemuanya bersetuju bahawa ekonomi Malaysia adalah di antara yang pertama untuk pulih dan memang kita akan mencapainya.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlas merayu kepada semua rakyat Malaysia termasuk parti-parti pembangkang marilah kita perkuatkan kedudukan masing-masing, bersatu-padu dan menyambungkan sokongan kita di sekeliling Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam usaha bersama kita untuk belayar dalam ekonomi yang bergelora ini dan muncul sebuah negara yang lebih kuat dari segi ekonomi dan politiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya menghargai tindakan kerajaan untuk meletakkan pinjaman dan kredit bank demi untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan. Walau bagaimanapun, saya dengan ikhlas merayu kepada kerajaan untuk lebih fleksibel di dalam keadaan kredit pinjaman bank yang sukar ini kerana:

- (a) ia akan memburukkan lagi resesi ekonomi kerana kebanyakan daripada syarikat-syarikat terutama sekali di dalam pembinaan perumahan terpaksa menggantungkan projek-projek mereka disebabkan oleh kekurangan pinjaman bank dan permintaan serta terpaksa memberhentikan berpuluh-puluh ribu pekerja pembinaan yang akan menjana pusingan ekonomi yang buruk ke arah depresi;

- (b) banyak pembeli rumah terutamanya kepada mereka yang pertama kali memberi rumah lebih daripada RM150,000.00 tidak berupaya untuk membeli walaupun pendapatan mereka mampu untuk membayar ansuran jika mereka dapat meminjam daripada bank-bank;
- (c) senario ini juga terjadi kepada pembeli-pembeli kereta dan juga perabot-perabot rumah dan lain-lainnya; dan
- (d) bank-bank tidak dapat meminjamkan wang mereka disebabkan oleh sekatan-sekatan yang ketat.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman bank memainkan peranan yang amat penting untuk meneruskan ekonomi kita dan kerajaan harus mencapai keseimbangan di dalam keadaan penguatkuasaan kredit bank demi untuk mencapai hasil pemulihan ekonomi segera yang diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada faktor utama bagi institusi-institusi kewangan asing seperti Bank Dunia dan IMF untuk tidak mempercayai ekonomi Malaysia ialah kerana bayaran imbalan deposit kita yang berpanjangan di dalam akaun semasa kebangsaan kita. Kelemahan ini kita harus akui dan harus diperbetulkan dengan segera. Maka kelemahan Ringgit harus dijadikan usaha kuat untuk mengembalikan semua deposit akaun semasa kita dengan:

- (a) aktiviti yang mempromosikan industri pelancongan serta daya eksport barangan perusahaan kita; dan
- (b) menggalak rakyat Malaysia untuk membeli barang buatan Malaysia, bercuti di dalam Malaysia dan menghantar anak-anak mereka ke universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak pun melihat iklan yang menjemukan untuk mempromosikan industri pelancongan kita serta barang-barang buatan Malaysia dalam media massa antarabangsa seperti CNN serta surat-surat khabar dan majalah-majalah asing. Mungkin Sukan Komanwel yang akan datang di Kuala Lumpur adalah peluang terbaik untuk mempromosikan Malaysia kepada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian media asing akan menyiarkan kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur yang terkenal buruknya dan kemungkinan masalah jerebu di waktu Sukan Komanwel yang akan datang. Apa langkah-langkah penentangan kita melalui iklan dalam media masa asing dan pelan tindakan yang khusus dan konkrit untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, rantau, utara Sarawak dengan Miri sebagai pusatnya telah mengalami masalah kekurangan air minum dan jerebu yang serius untuk tempoh lebih dua bulan yang lepas dan situasi ini semakin buruk disebabkan oleh musim kemarau yang berpanjangan. Kerajaan Negeri Sarawak

di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan rakan sejawat Yang Amat Berhormat di dalam kabinet negeri telah bertungkus lumus berganding bahu di dalam menyelesaikan tentang masalah ini.

Saya dengan ikhlas, ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi bencana ini serta dengan sikap murah hati dan cekap melancarkan program dasar penyelamatan dan pembetulan jangka masa segera, pendek dan panjang. Kebakaran hutan di Indonesia dan Malaysia Timur memerlukan penyelesaian segera dengan usaha bersama daripada masyarakat antarabangsa seperti daripada negara-negara maju dan negara-negara jiran seperti Indonesia dan Singapura.

Program-program bekalan air di seluruh negara, pada umumnya dan di rantau utara Sarawak terutamanya harus dipergunakan lebih awal, katakan sepuluh ke dua puluh tahun daripada permintaan yang dianggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun kebelakangan ini Malaysia telah dilanda oleh penyakit serius seperti coxsackie, denggi, cirit birit dan malahan demonglosis telah muncul semula. Tahun lepas, Sibu telah mengalami serangan coxsackie yang paling buruk sekali di mana puncanya sehingga sekarang masih belum diketahui.

Tuan Yang di-Pertua, amat sedih sekali untuk menyaksikan kanak-kanak kecil kehilangan nyawa. Sementara pihak berkuasa telah berusaha sedaya-upaya apabila penyakit ini merebak.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia amat memerlukan pelan tindakan utama kebangsaan untuk mendidik rakyat tentang kepentingan, kebersihan diri, peralatan dan kemudahan perubatan moden serta pakar dan kakitangan perubatan yang berkeelayakan berserta dengan kempen pencegahan penyakit yang berkesan untuk mencegah penyakit pembunuh tersebut daripada berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, industri perkayuan dan ladang kelapa sawit telah memainkan peranan yang amat penting di dalam pembangunan ekonomi negara kita. Tetapi, malangnya negara jiran kita, Indonesia disebabkan oleh saiz geografi dan kos buruhnya yang murah akan mewujudkan persaingan buruk terhadap Malaysia dengan menjual hasil-hasil mereka di dalam pasaran antarabangsa.

Buat masa sekarang, disebabkan oleh permintaan minyak kelapa sawit domestiknya, Indonesia tidak mungkin menjadi pesaing langsung kepada industri minyak sawit Malaysia. Tetapi, senario ini tidak akan kekal lama.

Kesan yang paling dramatik kepada industri perkayuan Malaysia ialah liberalisasi terhadap eksport hasil perkayuan Indonesia yang mana telah dengan serius menurunkan harga pasaran antarabangsa hasil kayu keras tropika seperti kayu bergergaji dan kayu lapis.

Tuan Yang di-Pertua, banyak syarikat perkayuan di Sarawak telah mengurangkan atau menggantung operasi pembalakan, penggergajian dan

kayu lapis mereka serta beribu-ribu pekerja didapati menganggur dan kebanyakannya adalah orang bumiputera. Pengurangan pekerja di dalam industri perkayuan di Sarawak telah memberi kesan kepada pusat penjaja, kedai-kedai kopi, pusat-pusat membeli-belah, restoran-restoran dan pembelian rumah serta kereta. Saya telah menerima banyak berita yang menyedihkan daripada pihak-pihak penjaja di Sibu bahawa ada di antara mereka tidak dapat membuat jualan RM1.00 sehari.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengutarakan kerumitan-kerumitan ini tanpa bertujuan untuk memusnahkan keyakinan kita tetapi untuk memberitahu pemimpin-pemimpin kita akan hakikat kesusahan yang dialami oleh rakyat dan dengan ikhlas merayu kepada pemimpin-pemimpin kita untuk merumus jalan bagi rakyat kita secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 24 Mac 1998, telah menyampaikan satu lagi langkah strategi yang realistik dan munasabah untuk memperteguhkan sistem kewangan kebangsaan kita berserta perdagangan realistik terhadap pertumbuhan ekonomi, kadar inflasi kebangsaan kita dan bantuan tepat pada waktunya kepada kumpulan berpendapatan rendah serta pembangunan luar bandar.

Di kala saya menghargai penggabungan institusi-institusi kewangan kita, saya dengan ikhlas berasa masa yang cukup haruslah diberi kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan kita untuk memenuhi syarat-syarat

penggabungan terutama sekali kepada mereka yang telah meneruskan dengan bijaksana serta memperolehi keuntungan yang sihat dan keupayaan mengurus pinjaman tidak berbayar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masa sudah cukup hari ini, minta sambung esok.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Sambung esok, boleh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*